

"DEMI sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan keredaan Allah dan balasan baik hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab,

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.05 | SUBUH 5.15 | SYURUK 6.33 | DUHA 6.56 | ZUHUR 12.34 | ASAR 3.52 | MAGHRIB 6.34 | ISYAK 7.43 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 24 | 25 FEBRUARI 2023 / 1444 شعبان 4 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

**SELAMAT MENYAMBUT ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-39, TAHUN 2023
'MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA'**



**PERHIMPUNAN
AGUNG HK NBD
SERLAH SEMANGAT
PATRIOTISME**

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Februari. - Dalam mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035, kita tetap bersatu setia kepada Raja dan Negara, menghayati dan mengamalkan ajaran agama Islam dan sentiasa dalam kehidupan terbaik-baik mengamalkan keharmonian bermasyarakat dan bernegara mendukung falsafah Melayu Islam Beraja.

Pukulan hadrah mengalu-alukan Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja bergerak memasuki pekarangan Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara yang sememangnya menyerikan lagi Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (HK NBD) Ke-39, Tahun 2023.

>> Muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (HK NBD) Ke-39, Tahun 2023.
- Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

Berita Utama



SALARY Guideline bantu wujudkan pakej gaji kompetitif

Muka 14



TINJAUAN pelaksanaan kursus ibadat haji, umrah

Muka 16

Bersama merealisasikan Wawasan Negara 2035

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Februari. - Harga kemerdekaan sangat sukar untuk dinilai, kerana ia bukan benda jumud untuk dihitungkan.

dengan angka, tetapi ia adalah landasan untuk kita memperolehi sesuatu yang lebih baik. Misalnya melalui

kemerdekaan, kita dapat menikmati apa yang belum pernah dinikmati. Tidakkah ini satu pencapaian yang sangat hebat?

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud

Kerana itulah, kemerdekaan wajar dipelihara untuk mewarnai kehidupan kita berbangsa dan bernegara.

>> Muka 8

**Perutusan tahniah sempena Hari
Kebangsaan Kuwait Ke-62 Tahun**



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Nawaf Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir, Kuwait dan Perdana Menteri Kuwait, His Highness Sheikh Ahmad Nawaf Al-Ahmad Al-Sabah sempena dengan Hari Kebangsaan Kuwait Ke-62 Tahun.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Nawaf Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir, Kuwait dan Perdana Menteri Kuwait, His Highness Sheikh Ahmad Nawaf Al-Ahmad Al-Sabah, serta ahli-ahli kerabat diraja, kerajaan dan juga rakyat Kuwait bersempena dengan Hari Kebangsaan Kuwait yang Ke-62 Tahun.



FESTIVAL Eco-Alam : Promosi amalan penjagaan alam sekitar

Muka 20



RENCANA

JANGAN sebar aib dalam media sosial!

Muka 27

MTIC kenal pasti perkara-perkara yang perlukan penambahbaikan, akan menanganinya secara sistematik



MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, ketika menyampaikan ucapan alu-aluan pada Sesi Perjumpaan Muhibah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 2023 di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam pada Rabu, 24 Rejab 1444 bersama 15 Februari 2023.

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wassalatu Wassalamu 'Ala-Asyrafil Anbiya'e Wal Mursalin Saidina Muhammadin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Selamat Pagi

ALHAMDULILLAH, bagi mewakili seluruh warga Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) Negara Brunei Darussalam, peramba/kaola/saya amat berbesar hati untuk mengalu-alukan keberangkatan dan kehadiran Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara ke kementerian ini.

Terlebih dahulu peramba / kaola / saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas perlantikan sebagai Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara yang baharu. Peramba / kaola / saya berdoa semoga usaha-usaha dan sumbangan Ahli-Ahli Yang Berhormat akan mendapat keberkatan dan kerahmatan dari Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin.

Dalam langkah menuju kehidupan norma baharu pasca COVID-19 yang telah banyak menjejaskan pelaksanaan program atau projek-projek yang telah dirancang. Namun begitu, ianya memberi peluang kepada kementerian ini untuk menilai semula keberkesanan projek-projek yang telah dilaksanakan, meliputi strategi-strategi yang sedang dirancang, serta mengukur pencapaian dan mutu perkhidmatan yang diberikan oleh kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya. Ini termasuk penjarangannya dengan pelan-pelan induk kebangsaan yang lain serta mendokong Wawasan 2035.

Dalam hubungan ini, kementerian telah membuat *mid-term review* kepada Pelan Strategik Kementerian, iaitu MTIC 2025. Penerangan lanjut mengenai akan dikongsikan selepas ini.

Sebagai rumusan mengenainya,

kementerian ini telah mengenal pasti perkara-perkara yang memerlukan penambahbaikan dan akan menanganinya secara sistematik dan telah menitikberatkan kepada tiga pemacu nilai atau *value drivers*, iaitu:

- Memastikan keselamatan orang ramai terjamin;
- Memastikan kesejahteraan dan penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan yang cekap, bersih dan efisien; dan,
- Mendokong kemajuan ekonomi yang mampan.

Tumpuan tindakan seterusnya adalah kepada perkara berikut:

- Penyediaan dan mengemaskinikan Manual Prosedur Kerja (MPK) - perkara asas yang perlu diterapkan untuk digunakan dan dikemaskini mengikut peranan dan tugas yang diberikan. Dengan MPK yang jelas, organisasi tersebut akan lebih fokus dalam menjalankan peranannya;

- Seterusnya, ialah mengikuti piawaian (*standard*) sebagai rujukan yang jelas - terutama sekali dalam penyediaan perkhidmatan kepada orang ramai dan dalam menjaga keselamatan dan kesejahteraan semua; dan

- Pemantauan prestasi (*performance monitoring*) - perkara ini perlu diberikan perhatian terutama sekali dalam memastikan pelaksanaan strategi dan pencapaian Key Performance Indicators (KPIs) serta dalam menguruskan projek ke arah memantapkan ekonomi negara dan memastikan tidak ada pembaziran dalam sumber tenaga manusia serta kewangan.

Seterusnya, kementerian ini telah pun mengenal pasti dan menilai perkara-perkara

yang boleh mengancam keberkesanan kementerian ini dan jabatan-jabatan di bawahnya untuk menjalankan peranannya serta mencapai objektif pelan-pelan strategik mahupun hasrat Wawasan 2035. Perkara-perkara tersebut atau risiko-risiko tersebut adalah seperti yang tertera di dalam *Risk Visual* atau Carta Risiko yang dipaparkan sekarang.

Pada masa ini sebanyak 23 risiko telah dikenal pasti dan setiap satu akan memerlukan pelan mitigasi atau pelan tindak balas untuk menanganinya. Ianya juga akan direviu dari semasa ke semasa, dan di sinilah jua saya mengalu-alukan tinjauan dan pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat semua pada hari ini dan juga pada bila-bila masa untuk mengongkorkan pandangan dan memberikan apa jua *input* mengenai atau terdapat perkara penting yang terlepas pandang oleh kementerian ini.

Sepertimana yang dilihat, perkara-perkara yang perlu ditangani sangat meluas dan di antaranya adalah perkara yang berlaku *in the background* yakni di luar pandangan orang ramai. Sebahagian daripadanya adalah terdiri daripada berikut :

- Memastikan keselamatan dan sekuriti aset dan petugas;
- Ancaman Siber,
- Penyediaan sistem pengangkutan awam yang berkesan dan mampan;
- Gangguan kepada perkhidmatan rangkaian;
- Ketidacukupan sumber tenaga manusia dalam jawatan kritikal;

>> Muka 16

WAKTU SEMBAHYANG										
FEBRUARI MASIHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
25	SABTU	4	5.05	5.15	6.33	6.56	12.34	3.52	6.34	7.43
26	AHAD	5	5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43
27	ISNIN	6	5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43
28	SELASA	7	5.05	5.15	6.32	6.55	12.34	3.50	6.33	7.43
1 (Mac)	RABU	8	5.04	5.14	6.32	6.54	12.34	3.50	6.33	7.43
2	KHAMIS	9	5.04	5.14	6.32	6.54	12.34	3.49	6.33	7.43
3	JUMAAT	10	5.04	5.14	6.31	6.54	12.33	3.49	6.33	7.43

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
30 24 °C	30 24 °C	31 23 °C	
Pekan Bangar			
30 24 °C	30 24 °C	30 23 °C	
Pekan Tutong			
30 24 °C	30 24 °C	30 24 °C	
Kuala Belait			
29 24 °C	29 24 °C	29 24 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 25 FEBRUARI 2023

Bersatu, bersedia menuju Wawasan 2035

MASIHI terasa semangat patriotik di bumi Darussalam selepas kita menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang Ke-39. Rakyat dan penduduk di negara ini wajib bersyukur atas nikmat kemerdekaan tidak ternilai ini. Dengan naungan rahmat dan hidayah Ilahi, setiap lapisan masyarakat dapat menyambut Hari Kebangsaan Ke-39 dengan penuh kesyukuran.

Patriotisme sering kali dikaitkan dengan cintakan tanah air yang menjadi satu semangat atau nilai yang perlu dihayati oleh segenap lapisan masyarakat, khususnya generasi muda. Nilai patriotisme yang menjadi sebahagian daripada nilai murni, sekiranya dapat dijiwai dan diamalkan sebaik mungkin, akan dapat menyumbang ke arah pembentukan generasi yang berhemah tinggi dan berakhlak mulia. Inilah yang kita harapkan bagi generasi penerus untuk terus mempertahankan kedaulatan negara.

39 tahun, satu jangka masa yang agak lama dan setentunya sudah banyak perubahan yang dialami oleh negara kita dalam meniti usia kemerdekaan tersebut. Pembangunan dan kemajuan yang dicapai menjadi *sukat-sukat* untuk kita berusaha lebih kuat lagi untuk mencemerlangkan imej negara kita di mata dunia.

"Beta ingin mengingatkan bahawa kemajuan yang mahu dicapai bukan tertumpu kepada membangun bangunan-bangunan untuk bermegah-megah, tetapi kemajuan yang lebih bermakna ialah seperti membina prasarana dan sistem yang membawa impak positif kepada rakyat dan penduduk, seperti juga kemajuan kepada sumber tenaga manusia, kita adalah mahu untuk melahirkan rakyat yang progresif, berdikari dan tidak semata-mata bergantung kepada Kerajaan".

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-39 perlu dijadikan pembakar semangat kita untuk terus berusaha demi negara. Pembangunan sesebuah negara tidak akan bererti jika rakyatnya masih berada di takuk lama tanpa menikmati sebarang kemajuan yang ada. Prasarana-prasarana yang dibina adalah untuk kesenangan dan kemudahan rakyat di negara ini jadi kita seharusnya berinisiatif untuk memajukan diri masing-masing dengan kelebihan kita, kekuatan dan semangat kita agar tidak mengecewakan hasrat dan harapan negara.

Gunakanlah kelebihan yang kita ada dengan bertindak inovatif, kreatif, progresif agar kita dapat membentuk jati diri kita sebagai rakyat Brunei yang berwawasan untuk pembangunan serta kemajuan negara. Pendidikan yang kita terima sangat penting agar kita dapat memajukan negara dengan idea-idea serta kepakaran masing-masing untuk merealisasikan Wawasan 2035.

Marilah kita sama-sama menyahut seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk merealisasikan Wawasan 2035. Kita perlu mempertajam minda, merancang dengan teliti dan berkesan, berusaha dengan gigih agar apa yang direntangkan dalam Wawasan 2035 dapat kita capai dengan jayanya.

Memang bukan mudah untuk melaksanakan semudah kita cakapkan. Tetapi dengan berbekalkan semangat jitu, InsyaaAllah kita akan dapat merealisasikan dengan kerjasama dan usaha seluruh rakyat dan penduduk di negara ini.

- **Ketua Penyuntingan (Ri)**

Perhimpunan Agung HK NBD serlah semangat patriotisme



Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Hernie Suliana Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa Pasukan Perbarisan Kawalan Kehormatan, terdiri daripada anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) (kiri dan atas).

>> Muka 1

Berangkat sama paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah. Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda di pekarangan

PERBARISAN lalu didahului oleh Kepala Perbarisan daripada pasukan Pembawa Bendera Besar NBD dengan keramaian 39 anggota daripada Institut Latihan ABDB (kanan dan kanan sekali).

Pentas Diraja di sini, dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-39, 2023.

Turut menjunjung, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri

Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-39, 2023.

Setelah Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan, Kebawah DYMM seterusnya dijunjung bagi memeriksa Pasukan Perbarisan Kawalan Kehormatan, terdiri daripada anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja

Brunei (ABDB) dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Upacara perhimpunan sambutan sudah sinonim dengan acara perbarisan lalu dan kali ini seramai 3,900 peserta telah menyertai dalam tujuh kumpulan didahului Kepala Perbarisan daripada pasukan Pembawa Bendera Besar NBD diketuai oleh 1351 Leftenan (U) Mohammad Noor Ali Hussyaini @ Roy bin Haji Shalil dengan keramaian 39 anggota daripada Institut Latihan ABDB.

>> Muka 4



JUGA menyertai Perbarisan Lalu ialah pasukan daripada Sektor Awam dan juga Pasukan Orang Kelainan Upaya (kiri dan atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat pada Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-39, Tahun 2023 berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien. Juga berangkat paduka-paduka anakanda dan adinda baginda.

>> Muka 3

Sejurus itu, diikuti dengan pasukan Pembaca Ikrar dan Pembawa Bendera Brunei Darussalam dan Bendera Logo yang diketuai oleh 1284 Leftenan Madya Haji Muhd Faiz bin Haji Kudil, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) dengan keramaian 100 anggota dari Institut ABDB dan PPDB.

Meneruskan perbarisan lalu ialah Kumpulan Kedua, iaitu Keamanan Negara terdiri daripada ABDB dengan didahului oleh pasukan Pancaragam Serunai dan Tambur Batalion Kedua dan Ketiga Tentera Darat Diraja Brunei, dengan keramaian

178 anggota dari TDDDB, TLDB, TUDB dan Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei.

Seterusnya PPDB yang didahului oleh Pasukan Pancaragam PPDB dan Rombongan Panji-Panji Diraja Brunei dengan keramaian seramai 201 anggota terdiri daripada Kontinjen General Duty Gabungan Daerah Polis Belait, Daerah Polis Tutong, dan Daerah Polis Temburong; serta kontinjen-kontinjen Pasukan Polis Simpanan Kompeni 'A', 'B' dan 'C'.

Kemudian diikuti dengan Pasukan Beruniform Kerajaan terdiri daripada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja; Jabatan Penjara; Jabatan Bomba dan

Penyelamat (JBP); Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan serta Program Khidmat Bakti Negara dan turut mengiringi perbarisan lalu ialah Pasukan Serunai dan Tambur Jabatan Penjara.

Seterusnya Pasukan Beruniform Lain dengan seramai 370 anggota peserta terdiri daripada Persatuan PERWIRA; POLSARA; Kadet Tentera ABDB; Kadet PPDB; Kadet Bomba dan Penyelamat; Persekutuan Pengakap NBD; Persatuan Bulan Sabit Merah NBD; Pasukan Pandu Puteri Brunei Darussalam; Pengawasan Kejiranan dan Setia Protective Security Services (SPSS).

Pasukan ini berperanan

penting dalam mendidik masyarakat berakhlak mulia, berwawasan, berdisiplin, dan sentiasa menyumbang bakti melalui program atau kerja-kerja kemasyarakatan baik di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Masyarakat Bestari dalam kumpulan seterusnya berarak lalu di hadapan Pentas Diraja dengan mengetengahkan pasukan-pasukan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang diketuai oleh Yang Di-Pertua Majlis Kesejahteraan OKU, Dato Paduka Haji Mohd Alimin bin Haji Abdul Wahab dengan keramaian 60 peserta, diikuti dengan pasukan Warga Emas dan Tujuh Puak Jati Brunei yang lengkap dengan berpakaian

tradisi puak masing-masing dan membawa peralatan muzik tradisi terdiri daripada Puak Melayu Brunei; Puak Melayu Belait; Puak Melayu Bisaya; Puak Melayu Dusun; Puak Melayu Kedayan; Puak Melayu Murut; dan Puak Melayu Tutong yang melambangkan identiti dan perpaduan bermasyarakat.

Memimpin perbarisan lalu seterusnya ialah Pancaragam JBP dengan dianggotai seramai 39 anggota, yang kemudian disusuli dengan perbarisan lalu Kumpulan Keempat dari Sektor Awam dan Swasta dengan didahului oleh Pasukan Sektor Awam terdiri dari gabungan daripada Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan dan beberapa Badan Kerajaan, dan seterusnya Pasukan Sektor Swasta terdiri daripada Badan-badan Bukan Kerajaan, Syarikat Berkaitan Kerajaan, Syarikat Swasta dan Bank-bank.

Turut diselitkan, Persembahan Seni Silat yang bertajuk Gerak Silat, Gerak Beradat menampilkan sembilan pesilat kebangsaan yang telah memenangi beberapa pingat di peringkat serantau dan antarabangsa, dengan turut diiringi persembahan Silat Tari dari pelajar Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Sekolah Rendah Pusuar Ulak.



SEKITAR Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-39, Tahun 2023 (atas, kanan, bawah dan bawah kanan).



>> Muka 5





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra dan bergambar kenangan bersama para peserta yang menjayakan Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-39 (kiri dan atas). Manakala gambar bawah, terbang lalu enam buah pesawat 'Blackhawk' Tentera Udara Diraja Brunei semasa nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

>> Muka 4

Menjelang tahun 2035, Brunei akan terkenal sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya, justeru perbarisan lalu diteruskan kembali dengan menampilkan Sektor Pendidikan dalam Kumpulan Kelima dengan keramaian 380 peserta gabungan daripada Institusi-institusi Pengajian Tinggi Kerajaan dan Swasta antaranya Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Shari Ali (UNISSA), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Politeknik Brunei, Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Pusat Pembangunan Belia dan Kolej-kolej Swasta.

Sektor Pendidikan ini berusaha mengembangkan potensi masyarakat ke tahap tertinggi melalui pendidikan yang berkualiti dan saksama, supaya mereka bersedia secara profesional demi

memenuhi hasrat negara serta menghadapi cabaran dunia yang sentiasa berubah.

Sejurus itu, Sektor Pergerakan Awam dalam Kumpulan Keenam seterusnya bergerak lalu yang terdiri daripada gabungan daripada Pasukan Komuniti daripada Persatuan-persatuan dan Pertubuhan-pertubuhan; Pasukan Persatuan Profesional dan Umum; serta Pasukan Gabungan Warga Negara Sahabat yang berperanan dalam sama-sama menjaga keamanan bangsa dan negara melalui interaksi di peringkat akar umbi.

Menutup tirai perbarisan lalu ialah Kumpulan Ketujuh iaitu Kumpulan Pasukan Cemerlang yang diketuai oleh Awang Mohd Adi Sali bin Roslan, pemenang pingat emas Sukan Wushu di Sukan Asia Tenggara Viet Nam Tahun 2021 dengan keramaian 44 peserta dari pelbagai agensi.

Pasukan ini terdiri daripada belia, beliawanis dan ahli masyarakat yang telah meraih kejayaan, kecemerlangan serta



pengiktirafan melalui penglibatan dalam bidang teknologi, fesyen, pertanian, kebudayaan, keagamaan, kesukanan, keusahawanan, kesukarelawan, kepimpinan, industri kreatif, pengurusan, akademik dan pakar-pakar profesional di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Kemuncak acara diteruskan dengan Lafaz Ikrar HK NBD Ke-39 diketuai oleh Pegawai Kerja, Kementerian Pertahanan, Awangku Md Nazirul Mubin bin Pengiran Haji Abd Rahman dengan dianggotai seramai 39 orang pembaca gabungan pegawai Perkhidmatan Awam, anggota ahli berpakaian seragam, sektor swasta, Institusi Pengajian Tinggi, OKU, para sukarelawan dan jurulatih.

Sejurus itu, takbir 'Allahu Akbar' dilautkan tiga kali daripada 2,839 peserta Persembahan Tema yang diketuai oleh Awangku Muhd Sallehin Pengiran Haji Liman, Merinyu Hal Ehwal Ugama di Kementerian Hal Ehwal Ugama seiring dengan persembahan berbentuk 'Allahu Akbar'.

Upacara sambutan kali ini juga disemarakkan dengan Persembahan Tema yang bertajuk 'Warisan Budaya : Jati Diri Bangsa' mengetengahkan

PERBARISAN lalu menyaksikan penglibatan 3,900 peserta yang dibahagikan kepada tujuh kumpulan, iaitu kepala perbarisan, Keamanan Negara, Masyarakat Bestari, Sektor Awam dan Swasta, Sektor Pendidikan, Pergerakan Awam dan Pasukan Cemerlang (atas kiri, kiri dan kanan).

lagu-lagu tradisional dan patriotik untuk menghayati kegemilangan pemerintahan sultan-sultan Brunei menerusi lagu-lagu Jipin Laila Sembah, 'Bandar Seri Begawan' dan 'Brunei Bumi Bertuah' dengan diiringi Orkestra Tradisional Senandung Darussalam.

Sejurus selesai, Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan' sekali lagi dinyanyikan diikuti dengan Terbang Lalu enam buah pesawat 'Blackhawk' TUDB yang diketuai oleh 922 Kapten (U) Muhammad Adib bin Haji Hashim.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM serta kerabat diraja juga berkenan merakamkan kenangan bergambar dan beramah mesra bersama sebahagian daripada para peserta.

Tema 'Menjayakan Wawasan Negara' masih dikekalkan bagi

Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-39, tahun ini yang menekankan warisan budaya sebagai jati diri bangsa yang sentiasa relevan dengan pembangunan negara dan bangsa menerusi manifestasi norma-norma dan nilai-nilai kebruneian berlandaskan agama Islam dan berpandukan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah.

Berkat pimpinan Kebawah DYMM yang kita kasihi, kemakmuran, kesejahteraan serta kebahagiaan hidup beraja dan bernegara adalah pasak kepada pembangunan berdaya tahan, di samping melalui Warisan budaya masyarakat Brunei lahir dari ekspresi budaya yang dinamik, selaras dengan aliran zaman dan teknologi, tetapi murni dan halus dalam mendukung peradaban serta tatasusila yang sopan dan indah.



PERSEMBAHAN IMBAU KEGEMILANGAN PEMERINTAHAN SULTAN-SULTAN BRUNEI



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat pada Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-39, Tahun 2023 (kiri dan atas).

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin



Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-39, Tahun 2023 yang berlangsung penuh warna-warni menghiasi Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Mengetengahkan lagu-lagu tradisional dan patriotik, persembahan ini mengimbau para penonton untuk menghayati kegemilangan pemerintahan Sultan-sultan Brunei, menerusi lagu-lagu 'Jipin Laila Sembah', 'Bandar Seri Begawan' dan 'Brunei Bumi Bertuah' yang dipersembahkan dengan genre tradisional.

Persembahan pada Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39 kali ini buat julung kalinya juga diiringi oleh Orkestra Tradisional Senandung Budaya, yang ahlinya terdiri daripada para pemuzik profesional, iaitu pemuzik daripada tujuh puak, para pelajar

daripada sekolah rendah, menengah, maktab dan institusi pengajian tinggi.

Persembahan pembukaan didahului dengan persembahan seni silat bertajuk Gerak Silat, Gerak Beradat yang dipersembahkan oleh seramai sembilan orang pesilat kebangsaan yang telah memenangi beberapa pingat di peringkat serantau dan antarabangsa.

Ini diikuti persembahan Silat Tari oleh seramai 60 orang pelajar dari Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Sekolah Rendah Puser Ulak.

Manakala persembahan seni tari pula disertai oleh para pelajar daripada sekolah-sekolah rendah, menengah dan institusi

pengajian tinggi, sementara peserta *frame* diwakili oleh pegawai dan kakitangan kementerian - kementerian, pelatih-pelatih Program Khidmat Bakti Negara serta para pelajar daripada sekolah-sekolah menengah dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei.

Persembahan Upacara Perhimpunan Agung tersebut diakhiri dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' beramai-ramai diikuti dengan acara terbang lalu pesawat-pesawat Black Hawk yang dipersembahkan oleh Tentera Udara Diraja Brunei.

Sementara itu, dalam Upacara Perbarisan Lalu menyaksikan penglibatan 3,900 peserta yang dibahagikan kepada tujuh

kumpulan iaitu Kepala Perbarisan, Keamanan Negara, Masyarakat Bestari, Sektor Awam dan Swasta, Sektor Pendidikan, Pergerakan Awam dan Pasukan Cemerlang.

Kumpulan-kumpulan berkenaan mewakili Pasukan Pembaca Ikrar, Pasukan Pembawa Bendera-bendera, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Beruniform, Pasukan Orang Kelainan Upaya, Pasukan Warga Emas, Pasukan Tujuh Puak Jati Brunei, Pasukan Sektor Awam dan Swasta, Pasukan Pendidikan, Pasukan Komuniti, Pasukan Persatuan Profesional dan Umum, Pasukan Gabungan Warga Negara Sahabat dan Pasukan Cemerlang.



PERSEMBAHAN tema bertajuk 'Warisan Budaya : Jati Diri Bangsa' mengetengahkan lagu-lagu tradisional dan patriotik, mengimbau kegemilangan pemerintahan Sultan-sultan Brunei dengan melibatkan 2,839 peserta mewakili para pelajar daripada sekolah-sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi, pegawai dan kakitangan kementerian-kementerian, pelatih-pelatih Program Khidmat Bakti Negara, Institut Pendidikan Teknikal Brunei. Juga dipersembahkan ialah persembahan seni silat Gerak Silat, Gerak Beradat (atas kiri, atas, kiri sekali dan kiri).



Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin



BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Emperor Naruhito, Emperor Jepun dan kepada Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Fumio Kishida serta kerajaan dan rakyat Jepun sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan yang Ke-63 bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Emperor Naruhito, Emperor Jepun.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan yang Ke-63 bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Emperor Naruhito, Emperor Jepun.

Pastikan kemajuan beri impak positif

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud
Foto : Masri Osman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah bersempena dengan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39 bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi, di Istana Nurul Iman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah mengingatkan bahawa kemajuan yang mahu dicapai bukan tertumpu kepada membangun bangunan -bangunan untuk bermegah-megah, tetapi kemajuan yang lebih bermakna ialah seperti membina prasarana dan sistem yang membawa impak positif kepada rakyat dan penduduk, seperti juga kemajuan sumber tenaga manusia, kita adalah mahu untuk melahirkan rakyat yang progresif, berdikari dan tidak semata-mata bergantung kepada Kerajaan.

"Sehubungan itu, bidang pendidikan tidaklah dapat diabaikan. Kita perlu kepada rakyat yang berpendidikan tinggi dan mempunyai kemahiran.

"Maka untuk itu beta melihat, bahawa Kemahiran STEAM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik) adalah perlu diperluaskan, dengan mengambilkira, betapa pentingnya kemahiran itu sebagai pemangkin

pembangunan," tegas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Titah Perutusan bersempena dengan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39 bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi, di Istana Nurul Iman, di sini.

Mengenai bidang pendidikan juga, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berhasrat agar Skim Pendidikan biasa dan agama dapat bersatu di bawah pengurusan yang sama supaya tenaga para pendidik dapat diintegrasikan dalam waktu persekolahan, iaitu bagi memenuhi maslahat dan kemudahan para ibu bapa dan penjaga ketika menghantar dan mengambil anak-anak sekolah.

Kebawah DYMM turut menekankan penerapan ilmu agama dan nilai-nilai murni sebagai pasak bagi mengukuhkan jati diri bangsa.

Maka oleh itu, baginda mengingatkan agar generasi muda merangkumi para

penuntut dan belia mestilah sama-sama dibawa untuk mengenali dan menghayati ajaran-ajaran agama.

Sebelum mengakhiri titah, baginda sukacita merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak termasuk peserta, petugas dan Ahli-ahli Jawatankuasa yang bertungkus lumus dalam menjayakan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39 pada tahun ini.

"Tidak lupa juga diucapkan penghargaan kepada semua lapisan, termasuk warga Perkhidmatan Awam, sama ada yang bertugas di dalam dan di luar negara, pasukan-pasukan keselamatan, para sukarelawan termasuk belia serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta dengan iringan doa semoga kita dan negara akan sentiasa berada di dalam pemeliharaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. 'Amin'," titah baginda lagi.

Bersama merealisasikan Wawasan Negara 2035

>> Muka 1

Demikian antara petikan Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39 bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi, di Istana Nurul Iman, di sini.

Cara memelihara itu tegas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah dengan

menunaikan kewajipan masing-masing secara telus dan sempurna, bukan untuk kepentingan diri sendiri tetapi untuk semua.

Sekarang menurut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, menjadi kewajipan utama kita ialah untuk melihat matlamat Wawasan Negara terlaksana.

"Kita tidak dapat berlengah-lengah lagi atau goyang kaki, kerana masa cuma tinggal 12 tahun sahaja lagi untuk kita merealisasikan. Kerana itu, Kerajaan perlu memuktamadkan *manpower* dan *social blueprint* dalam masa terdekat sebagai arah tuju bagi setiap perancangan dan tindakan pihak-pihak yang

berkepentingan dalam kerajaan.

Beta berharap *blueprint-blueprint* ini termasuk Economic Blueprint akan menjadi bahan rujukan kepada orang ramai terutama sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGOs) untuk merangka strategi dan pelan tindakan masing-masing," tegas Kebawah DYMM lagi.

Kebawah DYMM juga menjelaskan bahawa Kementerian Kewangan dan Ekonomi sebagai peneraju Brunei Darussalam Economic Blueprint sudah pun siap merangka peta-peta jalan industri bagi sektor industri permakanan; industri hiliran minyak dan gas; dan industri perkhidmatan

maritim.

Menurut baginda, peta-peta jalan berkaitan dengan industri teknologi maklumat dan infokomunikasi pula sedang giat dalam penelitian-penelitian dan penggubalan.

"Peta-peta jalan dalam sektor industri-industri utama ini adalah bertujuan untuk menambah baik ekosistem dan juga untuk industri-industri tempatan dapat membangun meningkatkan usaha masing-masing ke arah memperkukuhkan lagi kedayatahan ekonomi negara".

"Manakala bagi mendokong Perniagaan Mikro, Kecil dan Sederhana (M.S.M.E.), Kerajaan Beta juga sedang merangka

dasar M.S.M.E bagi membantu mereka meningkatkan produktiviti masing-masing," titah baginda lagi.

Terdahulu dalam titah, Kebawah DYMM merakamkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana pada tahun ini, kita dapat meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39.

Hari Kebangsaan tekan Kebawah DYMM adalah detik penting untuk diingati, kerana dengan mengingati itu, kita sekali gus akan teringat pula kepada pengorbanan dan usaha-usaha para pemimpin dan orang-orang terdahulu mencari jalan ke arah kemerdekaan.

MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN NBD KE-39



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama paduka adinda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-39, Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-39, Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang diadakan di

Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, di sini.

Berangkat sama, paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota ke majlis berkenaan dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman; Menteri di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar

Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yusoff; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad selaku Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39, Tahun 1444H / 2023M; Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Sejurus keberangkatan DYTM

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Mohammad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas



dan kerabat diraja yang lain, Azan Maghrib dilaungkan oleh Begawan Mudim Haji Awang Suhaili bin Haji Kalong.

DYTM kemudiannya menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar, yang seterusnya mengimamkan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan memimpin bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai.

Doa Kesyukuran dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Sementara itu, Azan Isyak dikumandangkan oleh Begawan Mudim Haji Awang Suhaili dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Mustafa bin Haji Murat.

Majlis kesyukuran berkenaan juga turut diadakan di semua

masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan beberapa buah masjid sebagai tumpuan mengikut daerah-daerah seperti di Daerah Brunei dan Muara bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan; Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong; Masjid Hassanil Bolkiah, Kampung Mentiri; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong; Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara; dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Manakala di Daerah Belait pula ialah di Masjid Muhammad Jamalul Alam; Masjid RPN Kampung Pandan; dan Masjid Pekan Seria.

Sementara itu, bagi Daerah Tutong diadakan di Masjid Hassanil Bolkiah, Pekan Tutong dan Daerah Temburong di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan paduka adinda bersama para jemaah menadah tangan semasa Doa Kesyukuran dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar (atas, bawah dan kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan paduka adinda berkenan menerima junjung ziarah daripada para jemaah pada Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39, Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi (atas kanan).



Perutusan tahniah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menjawab beberapa perutusan tahniah yang telah disembahkan ke hadapan majlis baginda daripada Ketua-ketua Negara dan Pemimpin-pemimpin Negara Sahabat sempena menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023, iaitu di antaranya daripada :

KETUA-KETUA NEGARA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda King Charles III, King of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II Ibn Al Hussein, Raja Jordan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa, Raja Kerajaan Bahrain.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Willem-Alexander R, Raja Netherlands.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Carl XVI Gustaf, Raja Sweden.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodum Sihamoni, Raja Negara Kemboja.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, Raja Thailand.



PRESIDEN Republik Singapura, Puan Yang Terutama Halimah Yacob.



PRESIDEN Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Joko Widodo.



PRESIDEN Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr.



PRESIDEN Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Thongloun Sisoulith.



PRESIDEN Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin.



PRESIDEN Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping.



GABENOR-Jeneral Australia, Tuan Yang Terutama General the Honourable David Hurley AC DSC (Retd).

Perutusan tahniah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39



PRESIDEN Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Md. Abdul Hamid.



PRESIDEN Republik India, Puan Yang Terutama Droupadi Murmu.



PRESIDEN Republik Demokratik Sosialis Sri Lanka, Tuan Yang Terutama Ranil Wickremesinghe.



PRESIDEN Republik Korea, Tuan Yang Terutama Yoon Suk Yeol.



PRESIDEN Republik Turkiye, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan.



PRESIDEN Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Dr. Frank-Walter Steinmeier.



PRESIDEN Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Dr. Seyyed Ebrahim Raisi.



PRESIDEN Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Abdel Fattah Al Sisi.



PRESIDEN Federal Republik Austria, Tuan Yang Terutama Alexander Van der Bellen.



PRESIDEN Republik Demokratik Rakyat Korea, Tuan Yang Terutama Kim Jong Un.



PRESIDEN Republik Portugal, Tuan Yang Terutama Prof. Marcelo Rebelo de Sousa.



PRESIDEN Mongolia, Tuan Yang Terutama Khurelsukh Ukhnaa.



PRESIDEN Republik Afrika Selatan, Tuan Yang Terutama Matamela Cyril Ramaphosa.



PRESIDEN Republik Slovenia, Puan Yang Terutama Natasa Pirc Musar.



PRESIDEN Republik Demokratik Rakyat Algeria, Tuan Yang Terutama Abdelmadjid Tebboune.



PRESIDEN Republik Malawi, Tuan Yang Terutama Dr. Lazarus McCarthy Chakwera.



PRESIDEN Republik Gabon, Tuan Yang Terutama Ali Bongo Ondimba.



PRESIDEN Republik Czech, Tuan Yang Terutama Milos Zeman.



PRESIDEN Republik Croatia, Tuan Yang Terutama Zoran Milanovic.



PRESIDEN Republik Malta, Tuan Yang Terutama George Vella.

Perutusan tahniah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39

KETUA-KETUA KERAJAAN



HIS Royal Highness Prince Mohammed bin Salman bin Abdulaziz Al Saud, Putera Mahkota dan Perdana Menteri Arab Saudi.



His Royal Highness Prince Salman bin Hamad Al Khalifa, Putera Mahkota dan Perdana Menteri Kerajaan Bahrain.



PERDANA Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.



PERDANA Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong.



PERDANA Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama General (Retd) Prayut Chan-o-cha.



PERDANA Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen.



PERDANA Menteri Republik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Sonexay Siphandone.



PERDANA Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Fumio Kishida.



PERDANA Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina.




KETUA Majlis Pentadbiran Negara, Republik Kesatuan Myanmar, Senior General Min Aung Hlaing.



SETIAUSAHA Agung Pertubuhan Kerjasama Islam, Tuan Yang Terutama Hissien Brahim Taha.

Yang Di-Pertua MMN terima kunjungan hormat



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Februari. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, hari ini, menerima kunjungan hormat daripada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan

Yang Terutama Dato' Raja Reza bin Raja Zaib Shah.

Hadir sama dalam kunjungan hormat tersebut ialah Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar.

Pada kunjungan hormat

YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara menerima kunjungan hormat daripada Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam.

tersebut, Yang Di-Pertua MMN mengalu-alukan kedatangan Tuan Yang Terutama sebagai Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam dan seterusnya berharap agar hubungan dua hala yang rapat di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia akan dapat terus dipertingkatkan lagi.

Majlis yang diadakan di Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat itu, di sini, antara lain membincangkan mengenai kerjasama kukuh di antara kedua-dua buah negara terutamanya dalam bidang pendidikan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua menekankan bahawa Malaysia telah menjadi salah sebuah destinasi pengajian yang popular di kalangan para pelajar NBD untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

tinggi.

TYT seterusnya menyatakan terdapat sekitar seribu orang pelajar sedang menjalani pengajian di Malaysia pada masa ini.

TYT juga merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat yang baharu dan berharap Suruhanjaya Tinggi Malaysia akan dapat meneruskan kerjasama yang padu dalam pelbagai bidang bersama ahli-ahli tersebut.

TYT dalam kenyataannya juga

menjemput Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan delegasi untuk membuat lawatan ke Malaysia di mana hasrat tersebut disambut dengan baik dan seterusnya juga mengalu-alukan kehadiran Ahli Parlimen Malaysia ke NBD.

NBD dan Malaysia mempunyai hubungan kerjasama yang erat dalam pelbagai bidang antaranya perdagangan dan pelaburan, pertahanan, pelancongan, pengurusan bencana dan teknologi maklumat.



سوروهنجاي قرحمتمن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM
MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (skop, transkrip dan pengisytiharan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan).
4. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan".
5. Lengkapkan Maklumat (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / Isytiharan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersetujui dalam skim iklan).

+673 7371961 PSC.BN query@spa.gov.bn

Bagi Talian Whatsapp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Bagi media sosial PSC.BN

HUBUNGAN DUA HALA NBD- REPUBLIK KOREA DIPERKUKUH

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Februari. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, hari ini, menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Kim Soung-Eun.


Hadir sama dalam kunjungan hormat tersebut ialah Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar.

Pada majlis yang diadakan di Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, di sini, Yang Di-Pertua MMN mengalu-alukan kedatangan Tuan Yang Terutama dan seterusnya

Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

berharap agar hubungan dua hala yang erat di antara NBD dan Republik Korea terutamanya di antara ahli parlimen kedua-dua buah negara akan dapat terus diperkukuhkan lagi dengan pelantikan TYT sebagai Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke NBD.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN turut menekankan bahawa MMN dan Dewan Negara Republik Korea mempunyai penglibatan yang berterusan dalam pelbagai mesyuarat tahunan iaitu ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) dan Asia Pacific Parliamentary Forum (APPF).



TYT juga menghargai hubungan erat yang terjalin sejak sekian lama serta menyatakan bahawa NBD dan Republik Korea bakal menyambut Ulang Tahun yang

Ke-40 sempena Penubuhan Hubungan Diplomatik kedua-dua buah negara pada tahun 2024 nanti.

NBD dan Republik Korea

mempunyai hubungan kerjasama yang kukuh dalam pelbagai bidang antaranya ekonomi, infrastruktur, pelancongan, pendidikan dan pertahanan.

Tidak ada kes dalam Kategori 4, 5

■ Oleh : Srinawarie Bidzah
Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 Februari. - Sebanyak 114 kes COVID-19 disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 276,850.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian

Kesihatan hari ini, tidak ada kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Pada masa yang sama juga tidak ada kes di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Bagi Program Vaksinasi setakat 22 Februari 2023, sebanyak 87.9 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 62.7 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 79.1 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 12.0 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.

Yang Di-Pertua MMN terima kunjungan hormat Pesuruhjaya Tinggi India



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara menerima kunjungan hormat daripada Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Februari. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib hari ini menerima kunjungan hormat daripada Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Alok Amitabh Dimri.


Majlis diadakan di Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Hadir sama pada kunjungan hormat berkenaan, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar.

Pada kunjungan hormat berkenaan, Yang Di-Pertua MMN mengucapkan tahniah di atas pelantikan Tuan Yang Terutama sebagai Pesuruhjaya Tinggi India yang baharu ke NBD dan mengungkapkan rasa penghargaan di atas hubungan dua hala yang kukuh di antara kedua-dua buah negara, terutamanya dalam bidang pendidikan dan perubatan.

TYT dalam kenyataannya juga menimbulkan hasrat untuk mengadakan pertukaran lawatan bagi Ahli Parlimen di kedua-dua buah negara sekali gus meneroka kemungkinan bagi menubuhkan kumpulan persahabatan antara parlimen dan kedua-dua keinginan berkenaan disambut baik oleh Yang Di-Pertua MMN dan seterusnya mengalu-alukan kehadiran Ahli Parlimen India ke NBD.

Antara lain perbincangan juga menyentuh mengenai hal-hal yang mempunyai kepentingan bersama seperti mengenai pelancongan dan perkembangan ekonomi pasca-COVID di NBD dan India.



SALARY GUIDELINE BANTU WUJUDKAN PAKEJ GAJI KOMPETITIF

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Februari. - Tenaga kerja berkualiti yang dilengkapi dengan *growth mentality* adalah penting bagi sesebuah negara.

Tenaga kerja adalah aset yang membezakan sesebuah organisasi dari pesaingnya dan sememangnya wajar bagi tenaga kerja ini diberikan ganjaran yang bersesuaian, di samping *labour market security* dan persekitaran kerja yang kondusif untuk mendorong peningkatan prestasi kerja mereka.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin

Abdullah selaku Pengerusi Manpower Planning and Employment Council (MPEC) semasa Majlis Pelancaran Salary Guideline di Sektor Swasta dan Laman Sesawang MPEC, hari ini, bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan JPM, di sini.

Dalam pada itu, Yang Berhormat turut mengongsikan akan pentingnya tenaga kerja di mana mereka membantu perniagaan untuk terus beroperasi lebih-lebih lagi semasa negara dilanda penularan wabak COVID-19. Secara amnya, masih terdapat pekerja yang dibayar dengan kadar gaji yang rendah dan tidak mencukupi.

Menyadari akan perkara itu, Yang Berhormat menyatakan perlunya syarikat swasta untuk sentiasa menghargai para pekerja dengan memberikan kadar gaji yang berpatutan bagi membantu meningkatkan taraf hidup, produktiviti kerja mereka serta menggalakkan kemajuan ekonomi dan sosial ke arah pemulihan ekonomi yang mampan dan inklusif.

Yang Berhormat seterusnya menggesa para majikan di Sektor Swasta untuk menggunakan Salary Guideline di Sektor Swasta ini sebagai rujukan amalan terbaik dalam menyediakan pakej gaji yang kompetitif agar menarik anak tempatan untuk bekerja dan bertahan di syarikat masing-masing.

Bagi pekerja pula ujarnya, adalah diharapkan agar Salary Guideline di Sektor Swasta yang mengandungi kadar gaji yang disarankan mengikut jawatan pekerjaan yang telah dikenal pasti dapat dijadikan rujukan khususnya semasa memulakan kerjaya mereka.

Yang Berhormat juga menyeru agar Dewan Perniagaan untuk menggalakkan ahli mereka menggunakan Salary Guideline di Sektor Swasta ini kerana ia boleh memberi nilai kepada majikan dan pekerja ke arah menggalakkan pertumbuhan dan produktiviti negara.

Turut hadir ke acara anjuran Sekretariat Tetap MPEC, JPM itu ialah Ahli-ahli Majlis MPEC, kumpulan kerja MPEC dan wakil-wakil syarikat dari Sektor Swasta. Dengan acara pelancaran Salary Guideline di Sektor Swasta dan pelancaran Laman Sesawang MPEC menandakan satu lagi kejayaan MPEC sejak penubuhannya pada tahun 2019.

Salary Guideline di Sektor Swasta itu berfungsi untuk membantu Sektor Swasta dalam mewujudkan pakej gaji yang kompetitif dan menarik bagi membolehkan pekerja tempatan memperoleh pekerjaan yang bermakna dan mengekalkan mereka dalam sebuah pekerjaan. Ini seterusnya akan meningkatkan kerjaya individu tersebut dalam profesion yang diceburi.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa berucap dan menyempurnakan pelancaran Salary Guideline di Sektor Swasta dan laman sesawang Manpower Planning and Employment Council (atas kiri dan atas).

Salary Guideline di Sektor Swasta itu mengandungi 22 *job families*, di mana ia adalah berdasarkan kepada permintaan industri.

Penyediaan Salary Guideline di Sektor Swasta ini juga merupakan langkah yang penting ke arah memastikan pencari kerja dan pekerja tempatan menerima gaji yang bersesuaian mengikut kemahiran dan produktiviti mereka

di setiap peringkat tangga kerjaya.

Inisiatif ini adalah selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 dalam mencapai ekonomi yang produktif dan mampan melalui penjaan pekerjaan yang berkualiti.

Majlis ini turut menyaksikan pelancaran Laman Sesawang MPEC di mana laman sesawang tersebut mengandungi maklumat-maklumat mengenai inisiatif dan program yang dikendalikan di bawah MPEC dan pihak-pihak yang berkepentingan, termasuk program peningkatan kapasiti bagi anak-anak tempatan dan tawaran-tawaran pekerjaan di negara ini.

Laman sesawang tersebut juga adalah sebagai satu platform bagi pihak Sekretariat Tetap MPEC melaksanakan kaji selidik berkaitan dengan tenaga manusia dan bagi mendapatkan maklum balas orang ramai berhubung tenaga kerja di negara ini.

Bagi keterangan lanjut mengenai Salary Guideline di Sektor Swasta dan laman sesawang MPEC, orang ramai adalah dialu-alukan untuk menghubungi Sekretariat Tetap MPEC di Bangunan JobCentre Brunei, Jalan Perindustrian Kampung Beribi menerusi talian +673 2444100.



SESI bergambar ramai semasa Majlis Pelancaran Salary Guideline di Sektor Swasta dan Laman Sesawang MPEC.

Perairan negara bebas dari air kemerah-merahan

Siaran Akhbar : Jabatan Perikanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Februari. - Menurut kenyataan dari Jabatan Perikanan Sabah yang bertarikh 18 Februari 2023 bahawa air kemerah-merahan telah dikesan di persisiran pantai barat Sabah.

Sehubungan itu, Jabatan Perikanan, Negara Brunei Darussalam (NBD) telah membuat pemantauan air kemerah-merahan dan mendapati perairan NBD bebas dari air kemerah-merahan.

Jabatan Perikanan akan terus

membuat pemantauan kejadian air kemerah-merahan di NBD dan akan memaklumkan kepada orang ramai tentang keadaan terkini dari semasa ke semasa.

Walau bagaimanapun, Jabatan Perikanan, NBD ingin menasihatkan kepada orang ramai untuk tidak memakan kerang-kerangan dari perairan Sabah atau tidak diketahui tempat asalnya.

Orang ramai juga diingatkan untuk membuang semua insang,

perut dan organ-organ dalam ikan sebelum dimasak sebagai langkah berjaga-jaga.

Bagi keterangan lanjut orang ramai bolehlah merujuk kepada laman sesawang rasmi Jabatan Perikanan di www.fisheries.gov.bn manakala orang ramai, terutama para nelayan adalah diseru untuk membantu Jabatan Perikanan dalam mengesan kejadian air kemerah-merahan di perairan negara ini dengan melaporkan sebarang kejadian perubahan warna air dan jika menjumpai sebarang



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak

Download on the App Store | GET IT ON Google play

kejadian ikan mati dalam jumlah yang banyak di mana-mana kawasan perairan dan pantai-

pantai di negara ini, melalui talian +673 2770066 pada waktu bekerja.

MAJLIS TAHLIL ARWAH ANJURAN JAWATANKUASA TAKMIR MASJID DULI RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

KILANAS, Khamis, 23 Februari. - Jawatankuasa Takmir Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas malam tadi mengadakan Majlis Tahlil Arwah yang berlangsung di masjid berkenaan, di sini.

Hadir ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku Penaung Masjid Duli Raja

Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas, Awang Rozisham bin Haji Chuchu.

Acara kemudiannya diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Majlis antara lain bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim di kalangan penduduk-penduduk kampung, selain sebagai salah satu aktiviti tahunan Jawatankuasa Takmir Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas.

YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir pada Majlis Tahlil Arwah bertempat di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas.

Bergerak seiring demi capai Wawasan Brunei 2035



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Februari. - Pelbagai usaha dilaksanakan ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035 dan beberapa sektor telah menunjukkan *progress* dan arah tuju tindakan-tindakan yang telah diambil.

Namun perlu ditekankan bahawa untuk mencapai Wawasan Brunei 2035, semua jentera Perkhidmatan Awam dan swasta, bank-bank, syarikat-syarikat besar, sederhana dan kecil perlu bergerak seiring bagi mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Demikian dinyatakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman semasa temu bual pada Upacara Perhimpunan



Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-39, Tahun 2023 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara.

Menurut Yang Berhormat, ia termasuklah dalam penggubalan undang-undang atau peraturan yang berkaitan agar lebih membantu kepada pertumbuhan ekonomi dan bukannya sebagai rintangan.

Yang Berhormat seterusnya berkata, ada beberapa isu atau bidang utama seperti pendidikan berkualiti, penghasilan pertanian, peluang pekerjaan, kemasukan pelaburan asing dan lain-lain adalah jelas untuk diberi banyak perhatian dan sewajarnya sudah nampak pencapaiannya dan ia untuk meyakinkan rakyat yang kita *on track* mencapai Wawasan Brunei 2035.

Dalam tempoh masa 12 tahun, ujar Yang Berhormat lagi, adalah jangka masa yang amat mencabar untuk mencapai matlamat yang telah digariskan dalam Wawasan Brunei 2035.

Apa yang perlu diharap semua tindakan yang sudah diambil untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035 adalah *on track* seperti yang dinyatakan dalam pelan tindakan kementerian masing-masing.

"Apa yang penting juga pencapaian sebuah kementerian itu sejajar dan serentak dengan kementerian yang lain kerana jika tidak ia akan mudah saja menjejaskan *progress* kementerian berkenaan. Diharapkan juga setiap kementerian mengambil langkah bersesuaian untuk memperbaiki KPI masing-masing," ujar Yang Berhormat.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji

Mohammad Isham bin Haji Jaafar menjelaskan bahawa Wawasan Brunei 2035 perlu dicapai bukan hanya sebagai angan-angan sahaja tetapi amat perlu diusahakan agar tercapai visi Wawasan Brunei 2035 itu nanti.

Menurut Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan, salah satu pendokong Wawasan Brunei 2035 dalam memastikan agar jangka hayat yang panjang kerana rakyat yang sihat dapat membangun negara dan pelbagai usaha telah dilaksanakan iaitu mengawal Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit dari segi NCD dan juga bagi penyakit yang berjangkit juga perlu diperkukuhkan lagi.

"Melalui pandemik COVID-19 akan dilihat proses tiga tahun lepas agar dapat dipastikan negara semakin mampan dalam mengawal pandemik COVID-19 dan apa yang penting ialah ini bukan hanya kerajaan sahaja malah seluruh masyarakat serta pihak swasta agar tampil ke hadapan untuk memajukan negara dan tidak terlalu berharap atas bantuan kerajaan agar dapat berdikari," ujar Yang Berhormat.

Manakala Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan menjelaskan bahawa peranan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) memastikan pelajaran agama diperkukuhkan dari semasa ke sama untuk dipertingkatkan.

Menurut Yang Mulia, KHEU juga berperanan bagi memastikan agar bantuan diberi perhatian dan memastikan juga projek-projek seperti institusi zakat atau wakaf diperkasa ke hadapan demi untuk sama-sama membangun negara sama ada kerajaan mahu pun sektor swasta.

"Amnya KHEU ada menyediakan rancangan-rancangan strategik sejak 2010 bagi mengiringi langkah menuju Wawasan Brunei 2035 ini. Bermula Rancangan Strategik 2010-2014 kemudian 2015-2019 dan kini adalah Rancangan Strategik 2020-2024," jelasnya

lagi.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama juga menjelaskan bahawa Rancangan Strategik 2020-2024 telah memfokuskan kepada tiga strategi utama iaitu pendidikan agama / Arab berkesan dengan objektifnya iaitu tenaga pengajar yang berkelayakan dan berkemahiran tinggi, peningkatan pencapaian penuntut dalam peperiksaan dan pengajian, peningkatan pelajar yang khatam.

Menurutnya, selain itu juga dakwah yang mantap dan berkesan dengan objektif adalah bagi peningkatan penyertaan belia dalam program keagamaan serta jemaah di masjid.

Selain itu jelas Yang Mulia, dalam tempoh lima tahun ini juga (2020-2024), terdapat tiga projek utama yang diberikan fokus dan sedang berjalan iaitu pengukuhan maqasid syariah dalam pengurusan dan pentadbiran di negara ini; penyebaran kefahaman makna dan tafsir Al-Quran serta hadis dan pemeraksanaan wakaf ke arah kesejahteraan negara.

"Dalam suasana menyambut Hari Kebangsaan NBD Ke-39 Tahun ini dengan gembira kita perlu bersyukur dengan menunaikan Sembahyang Hajat di masjid-

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

masjid seluruh negara. Di masa hadapan kita akan berusaha untuk memastikan hidup beragama sentiasa kukuh dalam kalangan masyarakat serta hidup rukun damai," tambahnya.

LUPA TOKEN PSCR 2.0?

CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961)
atau **E-mel (query@spa.gov.bn)** serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

TINJAUAN PELAKSANAAN KURSUS IBADAT HAJI, UMRAH



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama mengetuai rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama mengadakan Lawatan ke Pusat Kursus Ibadat Haji dan Umrah bagi Musim Haji Tahun 1444H / 2023M.



YANG Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jalani dan Dayang Massuri binti Awang Haji Besar semasa ditemu bual Pelita Brunei (kiri dan kanan).



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 Februari. - Bagi Memastikan bakal jemaah haji dapat diberikan ilmu manasik haji dengan lengkap dan teratur, rombongan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang diketuai oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, pagi tadi mengadakan Lawatan ke Pusat Kursus Ibadat Haji dan Umrah bagi Musim Haji Tahun 1444H / 2023M.

Rombongan tersebut memulakan lawatan ke Sekolah Ugama Sungai Besar, Kampung Sungai Besar, yang mana seramai 103 bakal jemaah haji dan umrah, iaitu 42 jemaah lelaki dan 61 jemaah perempuan yang terpilih menyertai kursus berkenaan di sekolah tersebut.

AWANG Abdullah bin Haji Abd Wahab dan Dayang Norliah binti Haji Md Ali semasa ditemu bual Pelita Brunei (kiri sekali dan kiri).

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Pelaksanaan kursus di Sekolah Ugama Sungai Besar, Kampung Sungai Besar dibahagikan kepada empat buah kelas iaitu dua buah kelas bagi jemaah lelaki, dan dua buah kelas bagi jemaah perempuan, dengan seorang penyelia dan empat guru pengkursus.

Turut menjadi tumpuan lawatan ialah Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkih, Kampung Perpindahan Berakas, yang menempatkan seramai 150 bakal jemaah haji dan umrah, iaitu 71 jemaah lelaki dan 79 jemaah perempuan.

Sebanyak enam buah kelas dibahagikan di sekolah berkenaan, iaitu tiga buah kelas bagi jemaah lelaki, dan tiga buah kelas bagi jemaah perempuan dengan seorang penyelia dan enam guru pengkursus.

Kursus Ibadat Haji dan Umrah bagi bakal jemaah yang terpilih menunaikan ibadat haji bagi musim haji tahun 1444H / 2023M telah bermula pada Jumaat 5 Rejab 1444 bersamaan 27 Januari 2023, dan akan berakhir pada Ahad, 12 Syaaban 1444 bersamaan 5 Mac 2023.

Kursus tersebut diadakan selama 12 sesi di keempat-empat daerah di lapang buah pusat kursus yang bermula 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Antara objektif lawatan ialah bagi melihat secara lebih dekat pelaksanaan Kursus Ibadat Haji dan Umrah secara teori yang diberikan kepada bakal jemaah haji bagi musim haji tahun 1444 / 2023 dan memastikan kursus tersebut dikendalikan dengan lancar.

Di samping itu, rombongan lawatan juga dapat bersemuka dan berinteraksi secara langsung bersama guru-guru pengkursus dan bakal jemaah haji.

Melalui kursus tersebut, para jemaah haji akan dapat melaksanakan manasik haji dengan sempurna dan meraih haji yang mabrur.

Dalam pada itu, Pelita Brunei turut menemui bual beberapa bakal jemaah haji dan umrah yang menyertai kursus berkenaan.

Dayang Massuri binti Awang Haji Besar ketika ditemui berkata,

kursus tersebut telah banyak memberikan pengetahuan dalam mempelajari ilmu untuk menunaikan fardu haji.

Dalam perkara ini tambahnya, para peserta diajar bermacam-macam perbuatan dan bacaan, terutama sekali dalam menjejaki kaki nanti apabila berada di tanah suci Mekah dan Madinah.

Bagi Dayang Norliah binti Haji Md Ali pula mengongsikan, kursus yang dilaksanakan oleh KHEU khususnya dari Jabatan Urusan Haji, banyak memberikan manfaat untuk para jemaah.

Dayang Norliah turut merakamkan penghargaan kepada jabatan tersebut kerana membuat kelas-kelas haji agar para jemaah dapat mempelajari dengan lebih komprehensif dan mendalam lagi.

Manakala, Awang Abdullah bin Haji Abd Wahab semasa ditemu bual turut menzahirkan kesyukuran kerana diberikan peluang untuk menyertai kursus berkenaan.

Menurutnya lagi, kursus yang diunkayahkan oleh Jabatan Urusan Haji itu juga mendatangkan seorang guru yang telah memberi tunjuk ajar yang berguna kepada para bakal jemaah seluruh negara yang akan berangkat ke tanah suci nanti.

Sementara itu, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jalani pula berkata, setakat ini, pembelajaran yang diberikan adalah sangat memuaskan, dan diaturnya serta disusun dengan baik.

"Saya bagi pihak peserta di sini mengucapkan tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama khususnya Jabatan Urusan Haji kerana mengunkayahkan kelas seperti ini untuk menambah ilmu pengetahuan lagi dan memantapkan lagi ibadat haji kami nanti, insyaaAllah," ujarnya lagi.

Turut menyertai lawatan tersebut ialah Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap, (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; dan Pengarah Urusan Haji, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad.

HALUAN

MTIC kenal pasti perkara-perkara yang perlukan penambahbaikan, akan menangannya secara sistematik

>> Muka 2

f) Penyelenggaraan peralatan kritikal dan penting;

g) Keberkesanan di dalam melaksanakan penguatkuasaan dan pengawalseliaan; dan

h) Cabaran untuk mencapai kecemerlangan dalam melaksanakan strategi-strategi di bawah pelan-pelan strategik MTIC.

Di samping perkara-perkara yang memerlukan perhatian selanjutnya. Alhamdulillah, terdapat juga banyak pencapaian yang telah dihasilkan dan membanggakan. Ini insyaaAllah juga akan dikongsikan di dalam penerangan mengenai MTIC 2025 nanti. Makluman mengenainya juga terkandung di dalam poster-poster dan pameran-pameran yang telah disediakan. Contohnya adalah seperti :

- peningkatan ke atas peratus

penduduk Negara Brunei Darussalam telah mendapatkan akses kepada Internet melalui broadband.

- Brunei Content Festival (BCF) 2022 yang julung kalinya diadakan telah dianjurkan oleh AITI bagi menggalakkan penyertaan tempatan dalam perkembangan industri penyiaran dan pembuatan kandungan (*content creation*).

- AITI juga telah memperkenalkan *Skim Productivity and Efficiency Joint Funding for Digital Adoption* (PENJANA) pada awal tahun 2022.

- Brunei ICT Industry Competency Framework (BIICF) melalui AITI juga telah dilancarkan pada Ogos 2022 yang berfungsi sebagai panduan yang komprehensif bagi pekerjaan industri ICT.

- Manakala Cyber Security Brunei (CSB) juga memfokuskan ke arah peningkatan keupayaan penyelidikan dan pembangunan

termasuk penyelidikan akademik dalam bidang *Fourth Industrial Revolution* serta bidang-bidang yang berkaitan dengan keselamatan siber, melalui ITPSS iaitu I.T Protection Security Services.

- Perkhidmatan-perkhidmatan di bawah CSB iaitu BruCERT, Cyberwatch Centre (CWC) dan Makmal Forensik Digital Kebangsaan (*National Digital Forensic Laboratory NDFL*) telah mendapat persijilan ANSI National Accreditation Board (ANAB) dan juga ISMS ISO 27001 Certification.

Dari segi aspek pengangkutan:

- Buku Edisi Kedua "The Safe and Smart Driving in Brunei Darussalam" dan buku Bacaan-Bacaan Bersiri Pendidikan Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam : Adab dan Keselamatan Kitani Di Jalan Raya, telah dilancarkan pada tahun lepas.

- Dalam usaha meningkatkan

kualiti sistem pengangkutan bas awam di negara ini, Projek Rintis Sistem Maklumat Bas Penumpang iaitu *Bus Passenger Information System* juga telah diperkenalkan.

- Dari segi penyediaan perkhidmatan kaji cuaca yang berkualiti untuk navigasi udara, kementerian ini juga menitikberatkan terhadap keperluan peningkatan keupayaan dan kompetensi pegawai-pegawai melalui kursus pensijilan.

- Bagi menyokong pembangunan bakat maritim, satu Rangka Kerja Kecekapan Maritim (*Maritime Competency Framework*), yang berfungsi sebagai panduan untuk pembangunan bakat maritim di Negara Brunei Darussalam juga telah diperkenalkan.

Dalam hubungan ini, kementerian ini akan sentiasa memastikan strategi yang dirancang akan sentiasa direbui

bagi memastikan ianya seiring dengan perubahan masa serta sentiasa dikemaskini untuk sejajar dengan hasrat dan visi kementerian ini untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Pintar Terhubung iaitu *Connected Smart Nation* bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Akhir sekali, peramba / kaola / saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat, dan peramba / kaola / saya memohon maaf di atas sebarang kekurangan atau sorok langkah di Sesi Perjumpaan Muhibah ini. InsyaaAllah, pihak MTIC dengan hati terbuka menerima apa jua maklum balas atau sebarang pertanyaan serta cadangan-cadangan baik yang boleh kita sama-sama fikirkan bagi kebaikan rakyat dan negara bersama.

Sekian. *Wabillahitaufiq Wal hidayah Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.*

Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023



TUTONG, Rabu, 22 Februari. - Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Fardu Maghrib dan Isyak

Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023 telah diadakan di seluruh

Daerah Tutong

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

TUMPUAN utama Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran menjelang Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-39, Tahun 2023 bagi Daerah Tutong diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah.

Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong, Daerah Tutong; pegawai kanan kerajaan; penghulu dan ketua kampung serta penduduk di daerah ini.

Majlis Kesyukuran dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Awang Sahibul Omar bin Haji Yusof.

Majlis kemudian diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dipimpin oleh imam masjid berkenaan, Awang Mohammad Waiz bin Haji Tajuddin. Manakala Doa Kesyukuran dibacakan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa.

negara dengan tumpuan di beberapa buah masjid di setiap daerah.

Bagi Daerah Tutong, tumpuan utama majlis berlangsung di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, di sini, dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri selaku tetamu kehormat.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang

Daerah Belait



MAJLIS Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39 di Daerah Belait diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hamzah Mohidin

BELAIT, Rabu, 22 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-39 Tahun pada 23 Februari 2023 dengan tema 'Menjayakan Wawasan Negara'.

Sehubungan itu, Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39 Tahun diadakan secara serentak di keempat-empat buah daerah di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara, petang tadi.

Masjid yang menjadi tumpuan utama di Daerah Belait bagi majlis berkenaan ialah di Masjid Mohammad Jamalul Alam.

Hadir pada majlis berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Ketua Imam Masjid Mohammad Jamalul Alam, Awang Mohammad Hilmi bin Yakop.

Majlis diteruskan lagi dengan membaca Surah Yaa Siin beramai-ramai yang juga diketuai oleh Awang Mohammad Hilmi.

Sementara itu, Doa Kesyukuran pula dibacakan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Mohammad Aliyani bin Ismail.

Muazzin Solat Maghrib dan Isyak pula ialah Imam Masjid Mohammad Jamalul Alam, Awang Haji Alias bin Bakar.

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang juga diimamkan oleh Awang Mohammad Hilmi.

Hadir sama, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah juga selaku Ketua Kampung Bukit Sawat; Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Belait, Awang Akop bin Lamat dan para penduduk di sekitar masjid berkenaan.

Daerah Temburong

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



MAJLIS Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Fardu Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39 Tahun diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

TEMBURONG, Rabu, 22 Februari. - Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Fardu Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-39 Tahun diadakan serentak di keempat-empat buah daerah, hari ini.

Di Daerah Temburong, tumpuan utama majlis berkenaan diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Muhammad

Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan Sunat Hajat, diimamkan oleh Imam Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Awang Norezam bin Haji Zaini.

Sementara itu, bacaan Surah Yaa Siin dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Shafirillah bin Haji Ahmad. Manakala, Doa Kesyukuran diketuai oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harris Hamdillah bin

Haji Masri.

Awang Haji Shafirillah seterusnya mengimamkan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, yang juga Pemangku Penghulu Zon 1 / Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-piasau, Daerah Temburong.

Majlis berkenaan adalah sebagai tanda kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan bagi merafakkan doa agar rakyat dan penduduk di bawah naungan bumi NBD akan sentiasa di bawah perlindungan-Nya.

HAMPIR 700 PELAWAT KUNJUNGI BKISHHB



ORANG ramai tidak melepaskan peluang mengunjungi Bilik Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (kiri dan atas).

Siaran Akhbar dan Foto : Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Februari. - Orang ramai berpeluang hadir ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) pada hari ini untuk mengunjungi Bilik Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Bilik Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dibuka bagi kunjungan orang ramai pada

sebelah petang sahaja pada hari ini dari jam 1.30 petang hingga 5.00 petang, memandangkan pada sebelah pagi diadakan Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023.

Meskipun galeri-galeri hanya dibuka setengah hari, sambutan sangat menggalakkan di mana

hampir 700 orang pelawat berkunjung pada sebelah petang.

Bagi yang tidak berpeluang berkunjung pada kali ini, Bilik Rambut Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seterusnya akan dibuka bagi kunjungan orang ramai pada 8 April 2023 bersempena memperingati Nuzul Al-Quran dari jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang.

Pada hari tersebut nanti, kaunter tiket BKISHHB hanya akan dibuka dari jam 9.00 pagi hingga 1.00

petang, walau bagaimanapun tiket-tiket boleh dibeli lebih awal pada bila-bila masa kaunter tiket dibuka iaitu pada setiap hari kecuali Jumaat dari jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang, manakala di bulan Ramadan kaunter tiket beroperasi dari jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang.

Galeri-galeri pameran di BKISHHB telah dibuka semula untuk kunjungan orang ramai bermula 12 Disember 2022.

Antara bahan pameran yang

menarik dalam sembilan galeri pameran berkenaan termasuk koleksi-koleksi mushaf pelbagai bentuk dan ukuran, rambut mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, cebisan burdah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta replika kesan tapak kaki, pedang-pedang dan tongkat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, koleksi pelbagai manuskrip Islam, peralatan Astronomi Islam, tongkat, tasbeih, fosil dan banyak lagi.

MTIC mengeluarkan statistik impak pembukaan sempadan NBD

Siaran Akhbar : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Februari. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) mengeluarkan statistik untuk meninjau impak daripada pembukaan semula pintu sempadan Negara Brunei Darussalam (NBD) sejak 1 Ogos 2022 bagi perjalanan bukan mustahak (*non-essential travel*) khususnya melalui pos kawalan udara dan laut.

Dengan itu, penilaian dibuat dari segi jumlah pergerakan penumpang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) dan juga Feri Terminal Serasa (FTS) selepas dua tahun sekatan ketat dilaksanakan berikutan penularan wabak pandemik COVID-19 sejak bulan Mac 2020 di negara ini.

Antara lain yang turut diteliti adalah keberkesanan mengenai pengemaskinian dasar pembaharuan Lesen Memandu bagi warga emas berumur 70 tahun dan ke atas sejak diperkenalkan pada 16 Disember 2021.

Bagi keselamatan jalan raya, jumlah kes kemalangan jalan raya di negara ini masih memerlukan perhatian dan kerjasama sepadu daripada semua pihak yang terlibat termasuk para pengguna jalan raya.

Ini adalah bagi terus meningkatkan kewaspadaan dengan memberikan tumpuan dan perhatian penuh ketika berada di jalan raya dan sentiasa mengamalkan sikap memandu yang berhemah.

Selain daripada sektor pengangkutan, perkhidmatan pengendalian barang-barang melalui Pusat Memproses Mel

(MPC) di bawah Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP) turut diberi perhatian, iaitu benda berdaftar, paket kecil dan bungkusan (domestik dan antarabangsa).

Perangkaan-perangkaan yang dimaksudkan, iaitu pergerakan penumpang melalui LTAB; pergerakan penumpang melalui FTS; membaharui Lesen Memandu bagi warga emas berumur 70 dan ke atas; jumlah keselamatan jalan raya; dan jumlah pengendalian benda berdaftar, paket kecil dan bungkusan (domestik & antarabangsa).

Pergerakan penumpang melalui LTAB, iaitu pada tahun 2022 adalah tahun terpenting dalam melangkah ke hadapan selepas negara ini dilanda wabak COVID-19, diikuti dengan pelonggaran Prosedur Operasi Standard.

Berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi bagi pergerakan penumpang melalui LTAB yang merangkumi keluar, masuk dan persinggahan, semenjak pembukaan sempadan pada 1 Ogos 2022, trend bagi pergerakan penumpang menunjukkan peningkatan sebanyak 55 peratus (%) sehingga 31 Disember 2022.

Jika dibandingkan lima tahun sebelum pandemik COVID-19, pergerakan penumpang meningkat setiap tahun dan pada tahun 2019 mencatatkan yang tertinggi dalam jumlah sebanyak 2,186,825.

Secara purata, kadar pertumbuhan pergerakan penumpang di negara ini adalah sebanyak 5.5% setiap tahun (2015 - 2019).

Jika berdasarkan kepada kadar berganda sebanyak 5.5% setiap tahun, jumlah pergerakan penumpang dijangka akan kembali ke tahap seperti pada tahun 2019 pada tahun 2026.

Pergerakan penumpang (keluar dan masuk) melalui FTS ialah perangkaan menunjukkan peningkatan sejak pembukaan sempadan pada bulan Ogos 2022 dengan seramai 1,146 penumpang keluar dan seramai 950 penumpang masuk melalui FTS.

Bagi bulan berikutnya, jumlah pergerakan penumpang keluar dan masuk melalui terminal berkenaan terus meningkat sebanyak 56% dengan mencatatkan sejumlah 3,263 penumpang.

Bulan Disember 2022 mencatatkan jumlah yang tertinggi bertepatan dengan musim cuti persekolahan dengan seramai 6,903 penumpang keluar dan masuk negara ini.

Sebelum tercetusnya pandemik COVID-19, tahun 2016 mencatatkan pergerakan penumpang yang tertinggi dengan jumlah sebanyak 182,753.

Perangkaan bagi tahun-tahun berikutnya (2015 - 2019) adalah menurun dan secara purata pergerakan penumpang bagi tempoh berkenaan berjumlah 171,566.

Jika jumlah keseluruhan pergerakan penumpang bagi tahun 2022, iaitu seramai 23,166 berganda setiap tahun, maka dijangka dalam tahun 2025 akan mencapai semula tahap tertinggi seperti di tahun 2016.

Manakala membaharui Lesen Memandu bagi warga emas berumur 70 hingga 85 tahun, pelaksanaan dasar terkini mengenai pembaharuan Lesen Memandu bagi warga emas yang berumur 70 dan ke atas bermula pada 16 Disember 2022 yang memberikan warga pilihan

untuk memperbaharui Lesen Memandu mereka bagi tempoh satu tahun, tiga tahun atau lima tahun dengan melengkapkan Borang Pengakuan Kesihatan Diri yang disediakan oleh Jabatan Pengangkutan Darat.

Sementara, pemohon yang berumur 86 tahun dan ke atas hendaklah menyertakan Sijil Kesihatan yang disahkan oleh Pengamal Perubatan yang berdaftar dan diiktiraf dan hanya boleh memperbaharui Lesen Memandu Kelas 3 bagi tempoh satu tahun sahaja.

Setelah pengenalan dasar berkenaan, terdapat pengurangan bagi permohonan tempoh satu tahun.

Di sepanjang tahun 2021, sebanyak 6,676 pemohon dicatatkan manakala bagi tahun 2022 hanya mencatatkan sebanyak 1,955 pemohon sahaja, iaitu pengurangan sebanyak 71%.

Pembaharuan Lesen Memandu bagi tempoh tiga tahun mendapat penerimaan yang menggalakkan dengan seramai 2,868 pemohon dan bagi tempoh lima tahun juga menerima sambutan dengan sebanyak 2,390 pemohon sehingga Disember 2022.

Manakala, keselamatan jalan raya, iaitu bagi tahun 2020, kadar kemalangan jalan raya menunjukkan sebanyak 1,079 kes dan menurun pada tahun 2021 kepada 1,043 kes.

Terdapat sedikit kenaikan pada tahun 2022 dengan tambahan tujuh kes kemalangan.

Senario yang berbeza bagi kes kemalangan yang melibatkan kematian dan ia menunjukkan jumlah kenaikan setiap tahun.

Salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya bagi Brunei Darussalam 2025 adalah penurunan kadar kemalangan sebanyak 50%.

Jika dilihat daripada perangkaan

kes kematian, di sebaliknya jumlah kes berkenaan menunjukkan peningkatan sebanyak 82% dari tahun 2020.

Oleh itu, kerjasama dan komitmen daripada sektor kerajaan dan swasta adalah penting dalam menyumbang ke arah matlamat untuk menjadikan jalan raya di NBD selamat bagi para pengguna.

Orang ramai juga adalah dinasihatkan untuk sentiasa berwaspada, cermat, bertimbang rasa dan berhemah di samping mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan jalan raya.

Sementara jumlah pengendalian benda berdaftar, paket kecil dan bungkusan (domestik & antarabangsa) ialah antara barang-barang yang dikendalikan oleh JPP melalui MPC adalah benda berdaftar, paket kecil dan bungkusan (domestik dan antarabangsa).

Bagi suku pertama tahun 2022, jumlah penerimaan secara menyeluruh bagi barang-barang berkenaan adalah sebanyak 84,869, iaitu jumlah yang tertinggi jika dibandingkan dengan suku tahun kedua dan seterusnya.

Pada suku kedua dan ketiga, jumlah penerimaan paket kecil yang mencatatkan peningkatan berbanding barang-barang yang lain, iaitu berjumlah 13,168 dan 21,039.

Manakala, jumlah penerimaan bagi bungkusan terjejas pada suku keempat dengan penurunan sebanyak 90%.

Di sepanjang tahun 2022, jumlah keseluruhan bagi penerimaan benda berdaftar, paket kecil dan bungkusan adalah menurun setiap suku tahun.

Selepas pembukaan sempadan pada 1 Ogos 2022, jumlah penerimaan bagi barang-barang berkenaan menunjukkan penurunan sebanyak 46% sehingga penghujung tahun 2022.

INDEKS UTAMA BSI KEKAL 50.0 BAGI JANUARI 2023

Siaran Akhbar dan Infografik : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Februari. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) pada hari ini menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi bulan Januari 2023.

Indeks berkenaan adalah berdasarkan kepada kaji selidik ke atas hampir 600 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar daripada 11 sektor ekonomi, daripada semua daerah di NBD.

BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di NBD dalam pelbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan; pelaburan; pengambilan pekerja dan kos menjalankan perniagaan.

Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, ia boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makro

ekonomi di dalam sesebuah negara.

Terdapat sembilan sub-indeks di dalam BSI dan Sub-indeks Keadaan Perniagaan, iaitu indeks utama BSI adalah sebanyak 50.0 bagi bulan Januari 2023, sama seperti bulan Disember 2022.

Secara amnya, sektor swasta menjangkakan keadaan perniagaan yang lebih kurang sama pada bulan Januari 2023 dengan bulan sebelumnya.

Salah satu sebab yang dikongsikan adalah kekurangan hari bekerja pada bulan Januari 2023 memandangkan beberapa hari cuti kelepasan awam pada bulan berkenaan.

Meskipun beberapa perniagaan menjangkakan pelbagai acara seperti Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja, Sambutan Tahun Baharu Cina, dan Pesta Pengguna Ke-26 (Consumer Fair) meningkatkan tahap permintaan produk dan perkhidmatan, sebahagian

perniagaan yang lain berpandangan bahawa tahap perbelanjaan akan berkurang selepas musim percutian bulan Disember 2022.

Memandang ke hadapan secara amnya, prestasi bagi bulan Februari 2023 dijangka lebih optimistik dengan indeks bagi keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan di tahap 50.5.

Ini didorong oleh jangkaan peningkatan dalam pengeluaran disebabkan oleh kenaikan tahap permintaan, jumlah projek yang meningkat, permulaan projek-projek baharu, dan pelbagai acara yang diadakan termasuk Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39 Tahun.

Sub-indeks pelaburan pula adalah sebanyak 50.0 bagi bulan Januari 2023, sebanyak 50.0 untuk satu bulan ke hadapan dan sebanyak 50.7 bagi tiga bulan ke hadapan.

Ini menunjukkan bahawa secara amnya, para peniaga menjangka mengekalkan tahap perbelanjaan pelaburan pada bulan Januari dan Februari 2023, dan hanya akan meningkatkannya pada tiga bulan yang akan datang.

Pelbagai faktor utama bagi peningkatan berkenaan antara lain termasuk pembelian mesin dan peralatan untuk melaksanakan projek baharu, mengganti atau memperbaiki peralatan lama, pembesaran dan pengubahsuaian pejabat dan kilang serta penambahan stok inventori bagi persediaan untuk Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1444H, yang dijangka akan meningkatkan jualan.

Sub-indeks pengambilan pekerja adalah sebanyak 50.2 bagi bulan Januari 2023 dan sebanyak 50.3 bagi satu bulan ke hadapan.

Ini menunjukkan bahawa secara amnya, perniagaan menjangkakan pengambilan tenaga kerja pada bulan Januari 2023 dan bulan seterusnya.

Para peniaga menyatakan bahawa rancangan untuk menambah jumlah pekerja berkenaan adalah selaras dengan jangkaan bahawa keadaan perniagaan akan meningkat pada bulan hadapan.

Sub-indeks kos pula sebanyak 49.9 bagi bulan Januari 2023 dan sebanyak 50.0 bagi satu bulan ke hadapan.

Secara amnya, para peniaga menjangkakan kos untuk menjalankan perniagaan akan menurun pada bulan Januari 2023.

Antara sebab-sebab utama yang dikongsikan termasuk pengurangan aktiviti, penurunan kos bahan mentah pada bulan berkenaan dan kos pembayaran gaji yang lebih rendah berbanding dengan bulan Disember 2022.

Bagi bulan Februari 2023, para peniaga menjangkakan kos yang lebih kurang sama dengan bulan Januari 2023.

Dari segi sektor ekonomi, lima daripada 11 sektor mencatatkan sentimen optimistik bagi bulan Januari 2023.

Sektor yang menunjukkan sentimen tertinggi adalah sektor kesihatan dan Pendidikan disebabkan oleh permulaan tahun persekolahan.

Sektor hotel dan restoran serta sektor pertanian, perhutanan,

Nilai BSI	Ulasan
Akhir 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama / tiada perubahan dengan bulan sebelumnya
Seawal 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

BSI Januari 2023	
Keadaan Perniagaan	50.0
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.5
Pelaburan	50.0
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.0
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.7
Pengambilan Pekerja	50.2
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.3
Kos Perniagaan Bulan Ini	49.9
Kos Satu Bulan ke Hadapan	50.0

Keadaan Perniagaan Januari 2023 Mengikut Sektor	
Kesihatan & Pendidikan	50.3
Hotel & Restoran	50.2
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.2
Kewangan & Insurans	50.2
Perkhidmatan Lain	50.2
Pembuatan	50.0
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.0
Perdagangan Borong & Runcit	50.0
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	49.9
Pembinaan	49.9
Pengangkutan & Komunikasi	49.4

Keadaan Perniagaan Januari 2023 mengikut Saiz	
Mikro	50.0
Kecil	50.0
Sederhana	50.3
Besar	50.0

perikanan dan ternakan juga berpandangan optimistik pada bulan Januari 2023 dengan jangkaan dalam peningkatan aktiviti mengambil kira Sambutan Tahun Baharu Cina dan acara-acara lain.

Sektor kewangan dan insurans serta sektor perkhidmatan lain juga berpandangan optimistik dengan jangkaan peningkatan aktiviti dan beberapa syarikat ditawarkan kontrak dan projek baharu pada permulaan tahun berkenaan.

Sementara itu, tiga daripada 11 sektor mencatatkan sentimen pesimistik bagi bulan Januari 2023 berbanding dengan bulan Disember 2022, dengan sektor minyak dan gas serta yang berkaitan dan sektor pembinaan melaporkan pengurangan projek pada awal tahun.

Manakala, perniagaan lain juga mengalami penangguhan projek disebabkan oleh keadaan cuaca yang kurang baik.

Sektor pengangkutan dan komunikasi juga melaporkan keadaan perniagaan yang pesimistik pada bulan Januari 2023 disebabkan oleh tamatnya musim percutian.





Sementara itu, sektor-sektor yang lain melaporkan sentimen terhadap keadaan perniagaan yang hampir sama pada bulan Januari 2023 dengan bulan sebelumnya.

Dari segi indeks mengikut saiz perniagaan, perniagaan bersaiz sederhana berpandangan optimistik bagi bulan Januari 2023 berbanding dengan bulan Disember 2022 atas jangkaan peningkatan dalam permintaan dan jualan domestik dengan berakhirnya musim percutian di luar negeri pada penghujung tahun 2022.

Di samping itu, perniagaan bersaiz mikro, kecil dan besar melaporkan keadaan perniagaan yang lebih kurang sama pada bulan Januari 2023 berbanding dengan bulan sebelumnya.

Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman sesawang BDCB di www.bdc.gov.bn.

Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.



FESTIVAL ECO-ALAM : PROMOSI AMALAN PENJAGAAN ALAM SEKITAR



KETUA Pegawai Pemasaran BIBD dan Pengerusi Kumpulan Transformasi Kelestarian, Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd. Jaafar semasa berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 Februari. - Dalam mengesahkan komitmennya ke arah memelihara bumi untuk generasi masa hadapan, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) menganjurkan Festival Eco-Alam yang menentang para pengusaha tempatan di samping menyediakan pelbagai aktiviti yang menjurus kepada pelbagai langkah dalam mengurangkan sisa makanan dan sebagainya.

Festival yang berlangsung di Bangunan Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei (PGGMB) itu akan diadakan selama tiga mulai hari ini hingga Ahad.

Pelancarannya disempurnakan petang tadi oleh Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri.

Dalam ucapan alu-aluannya, Ketua Pegawai Pemasaran BIBD dan Pengerusi Kumpulan Transformasi Kelestarian, Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd. Jaafar mengongsikan bahawa festival berkenaan bertujuan untuk menjadi satu acara yang menggabungkan pasaran, bengkel, ruang pembelajaran serta ceramah bersama para ahli panel yang berkisar tentang keselamatan makanan, sains makanan, ekosistem makanan dan pengurusan sisa makanan.

Beliau menambah, di Negara Brunei Darussalam, sisa makanan



SESI bergambar ramai sejour Pelancaran Festival Eco-Alam yang dianjurkan oleh Bank Islam Brunei Darussalam dengan kerjasama Big BWN Project bertempat di Bangunan Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei.

merupakan sisa terbesar di tapak pelupusan sampah, iaitu kira-kira 32 peratus menurut Sekretariat Perubahan Iklim Brunei.

Oleh sebab itulah tambahnya, festival yang diadakan berkenaan bertujuan untuk mempromosikan amalan mementingkan penjagaan alam sekitar dan menggariskan pelbagai langkah menangani dan mengurangkan sisa.

Diadakan sebagai sebahagian daripada Kempen Kelestarian Kebangsaan, di bawah Siri SME360, Festival Eco-Alam adalah sebahagian daripada komitmen BIBD di bawah Rangka Kerja Kelestarian Bank yang sejajar dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 serta Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN SDG).

Festival berkenaan juga turut menyokong agenda Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dalam menentang pelbagai pengusaha kecil pimpinan belia yang memainkan peranan dalam agenda kelestarian negara serta bertepatan dengan inisiatif 'Semarak Hari Kebangsaan', KKBS.

Pada acara berkenaan, turut diadakan beberapa siri

perbincangan panel yang menampilkan penceramah daripada sektor kerajaan, pengusaha tempatan serta institusi pendidikan yang membincangkan pelbagai isu berkaitan keselamatan makanan dan pengurusan sisa makanan daripada perspektif holistik.

Selain menyokong para pengusaha tempatan, BIBD juga menjadikan keutamaan untuk meminimumkan kesan terhadap alam sekitar dengan menerima pakai pembayaran tanpa tunai (*cashless*), mengurangkan penggunaan plastik dengan menggunakan pembungkusan mesra alam dan menggalakkan pengunjung untuk membawa bekas guna semula mereka sendiri, serta menghapuskan sisa makanan.

BIBD bekerjasama rapat dengan syarikat tempatan seperti Biofield Brunei, Tebalik Plastik dan Shaliz Waste Recycling yang menawarkan penyelesaian kepada isu sisa makanan.

Selain menampilkan penjual makanan tempatan, Festival Eco-Alam berkenaan juga menyaksikan pelbagai panel perbincangan dan dialog tertumpu kepada tema keselamatan

Oleh : Hajah Siti Zuraiha Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

makanan, sains makanan, ekosistem makanan dan pengurusan sisa makanan.

Dengan menentang penceramah yang mewakili jabatan kerajaan, institusi pengajian tinggi, NGO tempatan, perniagaan, dan perwakilan belia, orang ramai adalah dialu-alukan untuk menghadiri sesi perkongsian sepanjang acara tiga hari

berkenaan.

Festival Eco-Alam dianjurkan dengan kerjasama Big BWN Project dan disokong oleh Jabatan Perdana Menteri; KKBS; dan Kementerian Pembangunan serta rakan acara Crop Culture; Tebalik Plastik; Shaliz Waste Recycling Sdn. Bhd.; Biofield Solutions; EnEvo; dan Aloha Nature House Brunei.



PENGARAH Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam Brunei Darussalam, Awang Junaidi bin Haji Masri melihat lebih dekat dan berinteraksi bersama para pengusaha tempatan yang ikut serta pada acara tersebut.



KUIZ KENEGARAAN

ANJURAN JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI
SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KALI KE-39, TAHUN 2023



SOALAN 01

1. Apakah tema Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-39, Tahun 2023?

- A. Menjayakan Wawasan Negara
- B. Negaraku Brunei Darussalam
- C. Generasi Berwawasan

2. 'Generasi Berwawasan' merupakan tema sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi tahun?

- A. 2010 hingga 2013
- B. 2014 hingga 2016
- C. 2020 hingga 2023

3. Sila nyatakan Nama Pencipta Lagu / Penggubah bagi Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'?

- A. Allahyarham Awang Haji Basar bin Sagap
- B. Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara (DR) Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim
- C. Awang Haji Mohammad Yaman Bin Awang Besar

4. Bilakah tarikh nama 'Bandar Brunei' ditukar menjadi 'Bandar Seri Begawan'? Sila nyatakan:

5. Bilakah tarikh Negara Brunei Darussalam menjadi anggota Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN)? Sila nyatakan:

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Kuiz dibukakan kepada orang ramai berumur 12 tahun keatas (kecuali pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan serta ahli keluarga).
2. Hanya dibenarkan menghantar satu (1) penyertaan sahaja.
3. Sila hantarkan jawapan beserta maklumat di bawah dengan betul dan lengkap ke alamat e-mel berikut: unit.kenegaraan@information.gov.bn

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Tarikh lahir & Umur:

Nombor Telefon:

HADIAH PEMENANG

- Pemenang adalah dihadkan kepada 10 pemenang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai yang berjaya menjawab dengan tepat.
- Para pemenang akan menerima hadiah berupa voucher bernilai BND50.00 setiap seorang.
- Para pemenang akan dihubungi untuk mengambil hadiah.

TARIKH TUTUP PENYERTAAN

27 Februari 2023 (Isnin), Jam : 2.00 petang

25 Februari 2023 dan 1 Mac 2023

Muat turun aplikasi mudah alih :



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri



InfoDept.bn



InfoDept_bn



Pelita Brunei



pelitaibrunei



IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.
2. Profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** skim iklan akan ditolak.
3. **Lengkapkan Profil PSQR 2.0** (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
4. **Lengkapkan Kelulusan** (Raporan / pengisytiharan subjek / bidang kelulusan)
5. **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** (Sal, transkrip dan pengiktirafan Maja Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (PMPK) yang berkenaan)
6. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
7. **Lengkapkan Maklumat** (Jurnal / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersetujui dalam skim iklan)

+673 7371961 PSCBN query@spa.gov.bn

Talian Whatsapp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam PSCBN

Jawatan, Tangga Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. PENOLONG PEGAWAI UGAMA C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2023/FEB/09	PUSAT DA'WAH ISLAMIAH, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	01	7(A)	04 MAC 2023
2. PENJILID TINGKAT II D.1 EB.2-3 (BAHAGIAN IV) 2023/FEB/10	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	01	7(A)	04 MAC 2023

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSQR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANAKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.



JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Tawaran :
JPH / 1102-001 / TAW / 369 / 2022-2023
Projek Penghijauan Di Kawasan Kompartmen-Kompartmen Penanaman Di Hutan Simpan Berakas [Fasa 2]

Dibukakan kepada penender-penender yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas II ke atas sahaja.

Borang Pendaftaran Syarikat (jika belum berdaftar) :
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Borang Tawaran :
BND15.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran Tawaran :
BND35.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
14 Mac 2023,
2.00 Petang



JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Tawaran Kastam
Bil. 05 / 2023

Tawaran Bagi Membekal Kasut STK Untuk Pegawai-Pegawai Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
14 Mac 2023
Jam 2.00 Petang



JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Tawaran Kastam
Bil. 07 / 2023

Tawaran Bagi Membekal Kasut Bagi Staf Bantu Lelaki Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam



JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Sebut Harga :
(144) INFO / PK / K / 7
(2022-2023)

Tajuk Sebut Harga :
MEMBEKAL JAMUAN (PACK FOOD DAN FREE FLOW) DI PUSAT MEDIA, MAJLIS MESYUARAT NEGARA .

Yuran :
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :
Rabu, 1 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Tawaran Kastam
Bil. 06 / 2023

Tawaran Bagi Membekal Kasut Bagi Pegawai dan Kakitangan Wanita Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 14 Mac 2023
Jam 2.00 Petang



JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Tawaran Kastam
Bil. 08 / 2023

Tawaran Bagi Membekal Kasut Bagi Staf Bantu Wanita Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 14 Mac 2023
Jam 2.00 Petang



INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Bilangan Tawaran :
IBTE / TB / 002 / TK22-23
[CCA-FEB-2023]

Tajuk Tawaran :
Perkhidmatan Pembekalan, Pembuatan dan Penghantaran Baju CCA Lengkap Dengan Logo Rasmi "IBTE" Bagi Pelajar-Pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Kontrak Tiga (3) Tahun

Bilangan Tawaran :
IBTE / TB / 003 / TK22-23
[CT-FEB-2023]

Tajuk Tawaran :
Perkhidmatan Pembekalan, Pembuatan dan Penghantaran Baju Coverall (Fire-Retardant dan Non Fire-Retardant) dan Tudung (Fire-Retardant) Lengkap Dengan Logo Rasmi "IBTE" Bagi Pelajar-Pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Kontrak Tiga (3) Tahun

Bilangan Tawaran :
IBTE / TB / 004 / TK22-23



[SB-FEB-2023]

Tajuk Tawaran :
Perkhidmatan Pembekalan dan Penghantaran Kasut / But Keselamatan (Safety Shoes / Boots) Bagi Pelajar-Pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Kontrak Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran Tawaran :
BND30.00
(Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
15 Mac 2023
(Tidak lewat Jam 2.00 Petang)

Tempat Mengambil Borang :
Unit Perolehan,
Tawaran & Sebut Harga Aras Bawah,
Institut Pendidikan Teknikal Brunei (Ibu Pejabat)
Simpang 347,
Jalan Pasar Baharu Gadong BE1310



JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Tawaran Kastam
Bil. 04 / 2023

Tawaran Bagi Membekal Kasut Bagi Pegawai & Kakitangan Lelaki Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam



Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
7 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



BIRO MENCEGAH RASUAH

Bilangan Tawaran :
BMR / SH / 01 / 2023 / 2024

1. Tajuk Tawaran :
TAWARAN PEMELIHARAAN
LANDSKAP DAN
PEMOTONGAN RUMPUT
KAWASAN IBU PEJABAT DAN
BANGUNAN BAHARU

BIRO MENCEGAH RASUAH (BMR)
JALAN LAPANGAN TERBANG
LAMA BERAKAS
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
BIL: BMR / SH / 01 / 2023 / 2024

Bilangan Tawaran :
BMR / SH / 01 / 2023 / 2024

2. Tajuk Tawaran :
TAWARAN KERJA-KERJA
PEMOTONGAN RUMPUT
KAWASAN PERUMAHAN BIRO



MENCEGAH RASUAH (BMR)
SIMPANG 336-52-38 DAN
336-52-30, TAMAN
MUYASSARAH JALAN
KEBANGSAAN LAMA.

BIRO MENCEGAH RASUAH (BMR)
JALAN LAPANGAN TERBANG
LAMA BERAKAS
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
BIL: BMR / SH / 02 / 2023 / 2024

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
7 Mac 2023
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang



**JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Pemberitahuan Sebut Harga

1. Bilangan Tawaran :
JPKK / JKSH2223-QTN.16 / ADM

Tajuk Tawaran :
MEMBEKALKAN PELBAGAI
ALAT TULIS BAGI
JABATAN PERBENDAHARAAN

2. Bilangan Tawaran :
JPKK / JKSH2223-QTN.17 / ADM

Tajuk Tawaran :
MEMBEKALKAN PELBAGAI
BARANG CETAK BAGI
JABATAN PERBENDAHARAAN

3. Bilangan Tawaran :
JPKK / JKSH2223-QTN.18 / ADM

Tajuk Tawaran :
MEMBEKALKAN PELBAGAI



**INK TONER CARTRIDGE BAGI
JABATAN PERBENDAHARAAN,
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Tarikh Tutup / Jam :
Sabtu,
4 Mac 2023 - 9.00 Pagi

Tempat Menghantar Tawaran :
Peti Sebut Harga,
Jabatan Perbendaharaan
Tingkat 2, Tower Block,
Bangunan Kementerian
Kewangan dan Ekonomi,
Commonwealth Drive,
Jalan Kebangsaan,
Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN KEMAJUAN
PERUMAHAN**

Bil. Projek :
JKP / 04 / 2023

Nama Projek :
THREE YEARS TERM
CONTRACT FOR GENERAL
MAINTENANCE WORKS AT
RPN KG. MENTIRI,
BRUNEI-MUARA DISTRICT,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM.

Tarikh Buka Tawaran :
20 Februari 2023 (Isnin)

Tarikh Tutup Tawaran :
7 Mac 2023 (Selasa)
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tempat Tutup :
Lembaga Tawaran Kecil,



**Tingkat Bawah,
Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang
Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam.**

Yuran Tawaran :
BND50.00
[Tidak dikembalikan]

Yuran E-Dokumen :
BND5.00
[Tidak dikembalikan]
[Yuran E-Dokumen & Lukisan]



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
III & IV

Kategori :
KA01 - Kod Baharu

Bilangan Tawaran :
JKR / DTS / 03 / BKTGS / 2023-T
/ III

Nama Projek :
Kerja-Kerja Membaik Pulih
Kerosakan Dinding Penahan
Tanah di Jalan Kemangsi Timur,
RPN Kg. Meragang.

Yuran Tawaran :
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
-

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa, 21 Februari 2023

Tarikh Tutup :
Selasa, 28 Februari 2023,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN, BELIA DAN
SUKAN**

Bilangan Tawaran :
FEB / 2023 / JAPEM /
TERMGRASSCUT /
KRKS-PUL-PKWE / RB

Tajuk Tawaran :
12 MONTHS CONTRACT
FOR GRASS CUTTING AT
JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT BUILDINGS
AREA (KOMPLEKS RUMAH
KEBAJIKAN KG. BELIMBING
SUBOK, PUSAT BAHAGIA
PULAIE, JAPEM PULAIE &
PUSAT KEGIATAN WARGA
EMAS LAMBAK KANAN)

Tarikh Sebut Harga :
Khamis, 9 Mac 2023,
Sebelum jam 8.00 Pagi



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA**

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / PDP / 047 / 2022

Tajuk Tawaran :
Penyewaan Kereta bagi
Menjalankan Tugas Operasi dan
Pemeliharaan selama 12 Bulan

Peti Tawaran
Unit Pematuhan Proses
dan Manual
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam

Harga Dokumen :
BND 30.00 (Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
'Tender Box'
Pengurusan



**Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam**

Kelayakan :
ROCBN

Tarikh Tutup :
Selasa,
7 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Jualan Secara Sebut Harga Bagi
1 Lot Harta Benda Kerajaan,
1 Lot Alat-Alat Ganti Kapal
Kepunyaan Angkatan
Bersenjata Diraja Brunei

E-mel :
dfa.revenue@mindef.gov.bn
Telefon : +673 2386614

Tarikh Tutup



Penghantaran Borang :
Rabu,
6 Mac 2023,
Tidak lewat jam 10.00 Pagi

**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)**

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**



Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Rancangan Pemakanan Sekolah

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 291 / 2022 / 2023
[BPPA-FEB-2022]

Keterangan :
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Bengkurong
2. Sekolah Rendah Junjongan, Limau Manis
3. Sekolah Rendah Pengkalan Batu
Kementerian Pendidikan Daerah Brunei Muara
Kod Blok : SM/21
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 292 / 2022 / 2023
[BPPA-FEB-2022]

Keterangan :
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Mulaut Yusof, Kg. Katimahar
Kementerian Pendidikan Daerah Brunei Muara
Kod Blok : SM/24
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 293 / 2022 / 2023
[BPPA-FEB-2022]

Keterangan :
Sebut Harga Membekal

dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
Sekolah Rendah Jalan 49, Kampung Lambak
Kementerian Pendidikan Daerah Brunei Muara
Kod Blok : SM/37
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 294 / 2022 / 2023
[BPPA-FEB-2022]

Keterangan :
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
Sekolah Rendah Perpindahan Kg. Lambak Jalan 10
Kementerian Pendidikan Daerah Brunei Muara
Kod Blok : SM/38
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 295 / 2022 / 2023
[BPPA-FEB-2022]

Keterangan :
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Kuala Belait Teraban
2. Sekolah Rendah Sungai Teraban
3. Sekolah Rendah Muhammad Alam, Seria
Kementerian Pendidikan Daerah Belait
Kod Blok : SM/48
Bagi Tempoh Dua (2) Bulan

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 296 / 2022 / 2023
[BPPA-FEB-2022]

Keterangan :
Sebut Harga Membekal dan Menghantar

Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Sungai Liang
2. Sekolah Rendah Lumut
Kementerian Pendidikan Daerah Belait
Kod Blok : SM/50
Bagi Tempoh Lima (5) Bulan

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 297 / 2022 / 2023
[BPPA-FEB-2022]

Keterangan :
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
Sekolah Rendah Paduka Seri Begawan Sultan
Kementerian Pendidikan Daerah Belait
Kod Blok : SM/55
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
[Bayaran Dokumen Sebut Harga tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup dan Waktu :
Sabtu,
4 Mac 2023
[Tidak lewat jam 9.00 Pagi]



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga :
KKBS / OBBB / F-004 (05-2022)

Tajuk Sebut Harga :
Term Contract (1 Year) Cleaning (Building and Compound) and Grass Cutting For Outward Bound Brunei Darussalam (OBBB) At Batang Duri and Belalong Camp, Temburong District



Tarikh Sebut Harga :
Khamis,
2 Mac 2023,
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran :
(14)JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
PENGUBAHSUAIAN DAN PENAMBAHAN FASILITI PADANG ONG SUM PING BAGI KEMUDAHAN ATLET PARALIMPIK

Bilangan Tawaran :
(15)JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
KERJA-KERJA PENAMBAHAN BIRD SPIKE PADA GRANDSTAND PADANG DAN BELAPAN, KOMPLEKS SUKAN TEMBURONG

Yuran Tawaran :
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis, 9 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN

Bil. Projek :
JKP / 04 / 2023

Nama Projek :
THREE (3) YEARS TERM CONTRACT FOR GENERAL MAINTENANCE WORKS AT STKRJ KG LAMBAK KIRI IN BRUNEI-MUARA DISTRICT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh Buka Tawaran :
20 Mac 2023 (Isnin)

Tarikh Tutup Tawaran :
4 April 2023 (Selasa)
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari

Tempat Tutup :



Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran :
BND50.00 [Tidak dikembalikan]

Yuran E-Dokumen :
BND5.00
[Tidak dikembalikan]
[Yuran E-Dokumen & Lukisan]



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
V & VI

Kategori :
B01

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSBM001 / 2023

Nama Projek :
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan dan Perkhidmatan Aset Bangunan di bawah Kementerian Pembangunan,



Negara Brunei Darussalam

Bilangan Projek :
2023DBSBM / MOD.01

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
28 Februari 2023

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 14 Mac 2023,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Tajuk Tawaran :
Kerja-Kerja Pembersihan Longkang Dan Persekitarannya Di Kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Jabatan Penerbangan Awam
AME / 2022-2023 / SH - 21
(Kelas I, dan II)

Tarikh iklan / mengambil dokumen Sebut harga :
Rabu,
15 Februari 2023

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga :
Selasa,
28 Februari 2023

Tarikh Tutup Sebut Harga :



Rabu,
1 Mac 2023,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang

Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga d/a Aras Bawah, Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA

Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / PSP / 064 / 2022

Tajuk Tawaran :
PENYEDIAAN BEKALAN ELEKTRIK BAGI KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN (KKP) SINAUT, DAERAH TUTONG

Harga Dokumen :
BN500.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
Tender Box Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam



Kelakayan :
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas 3, 4 atau 5 sahaja dalam kategori E03 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E03.

Tarikh Tutup :
Selasa,
7 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Unit Tawaran, Tingkat 4, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri.



Negara yang makmur memerlukan Al-Mukmin Al-Qawiy

dengan negara kita, telah menetapkan dan merangka Wawasan Brunei 2035 yang menjurus kepada tiga matlamat utama, iaitu :

Pertama : Rakyat yang berpendidikan tinggi, berkemahiran dan berjaya.

Kedua : Rakyat yang mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi.

Ketiga : Ekonomi negara yang dinamik dan berdaya tahan.

Antara kunci utama untuk mencapai tiga matlamat tersebut ialah dengan adanya orang-orang yang beriman yang kuat (Al-Mukmin Al-Qawiy). Dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Orang beriman yang kuat itu adalah lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah daripada orang beriman yang lemah, dan pada kesemuanya (ada) kebaikan". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Hadis ini menyebut dengan jelas bahawa Al-Mukmin Al-Qawiy (orang beriman yang kuat) itu lebih baik dan disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala daripada Al-Mukmin Ad-Dhaif (orang beriman yang lemah) dan dia lebih bermanfaat serta membawa kebaikan berbanding dengan Al-Mukmin Ad-Dhaif.

Iman merupakan syarat penting dalam mencapai kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Namun kesempurnaan iman itu tidak akan tercapai melainkan dengan adanya tiga perkara iaitu membenarkan dalam hati, mengikrarkan dengan lidah dan membenarkan iaitu dalam makna dengan perbuatan yang membuktikan keimanan melalui akhlak, tingkah laku dan usaha beramal soleh. Dengan adanya tiga perkara tersebut, ia akan membawa kepada kehidupan yang baik. Iman yang disertai dengan takwa juga akan membawa keberkatan dalam kehidupan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nahl, ayat 97 :

Tafsirnya : "Sesiapa yang mengerjakan amalan yang soleh sama ada laki-laki atau perempuan sedang dia orang yang beriman, maka sesungguhnya Kami sudah tentu akan menghidupkannya dengan kehidupan yang baik dan Kami sudah tentu akan

mengurniakan mereka dengan ganjaran yang lebih baik daripada apa yang mereka telah kerjakan".

Selain mempunyai sifat bersungguh-sungguh dalam membuat amal soleh dan sabar terhadap ujian, Al-Mukmin Al-Qawiy itu juga bermaksud orang yang mempunyai pemikiran yang tajam sebagaimana yang disebutkan oleh Imam As-Sindhi Rahimahullah ketika mensyarahkan maksud Al-Mukmin Al-Qawiy dengan katanya : "Al-Mukmin Al-Qawiy iaitu kuat pada melakukan amal kebajikan dan kuat pada menanggung kesusahan-kesusahan dalam melakukan ketaatan, sangat penyabar pada menanggung apa yang menimpanya daripada bala (ujian), peka terhadap perkara-perkara semasa serta mendapat petunjuk pada mengurus perkara-perkara semasa dan mencapai kemaslahatan dengan melihat kepada sebab-sebab kejadiannya dan menggunakan daya fikiran pada mencapai kesudahan".

Al-Mukmin Al-Qawiy itu juga bermaksud orang yang sihat dan kuat fizikal tubuh badannya agar dapat melakukan ibadat dan amalan kebaikan serta menjauhi perkara kemungkaran sebagaimana kata Al-Qadhi lyad : "Kuat di sini adalah terpuji, yang membawa maksud bahawa kuat pada melakukan ketaatan, dari sebab kekuatan badan dan ketahanan fizikal, maka dia menjadi orang yang lebih banyak beramal, lebih panjang melakukan sembahyang malam dan lebih banyak melakukan puasa, jihad dan haji".

Al-Qadhi lyad Rahimahullah menambah lagi bahawa kekuatan itu juga boleh membawa maksud mempunyai kekuatan kewangan yang mmebolehkan Al-Mukmin Al-Qawiy itu membelanjakan hartanya di jalan Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana katanya : "Atau ia juga bermaksud kekuatan dengan memiliki harta pada kekayaan, maka dia menjadi orang yang lebih banyak menginfakkan hartanya pada jalan kebaikan dan kurang cenderung pada mencari kesenangan dunia serta kurang minat pada mengumpulkan sesuatu padanya (dunia)".

Orang mukmin yang mempunyai harta

dan kekayaan akan mampu memberi sumbangan dalam meningkatkan taraf kehidupan seperti membasmi kemiskinan, meningkatkan ekonomi dan pembangunan negara sama ada melalui tuntutan agama yang wajib seperti zakat ataupun yang selainnya seperti sedekah, derma, wakaf, hibah dan sebagainya, kerana orang mukmin yang mempunyai harta dan kekayaan seumpamanya ini lebih cenderung mendapatkan manfaat akhirat berbanding manfaat dunia. Ciri ini sesuai dengan Wawasan Negara pada meningkatkan kualiti kehidupan dan ekonomi negara.

Inilah antara ciri-ciri utama Al-Mukmin Al-Qawiy menurut sebahagian ulama. Secara ringkasnya, orang yang dikategorikan sebagai Al-Mukmin Al-Qawiy ialah orang beriman yang bersemangat waja dalam mencintai akhirat dengan menjadi orang yang berjaya dalam kehidupan di dunia, mempunyai daya fikir yang tajam, sihat dan kuat tubuh badan untuk mencapai apa yang dipohonkan dalam doa :

Tafsirnya : "Ya Tuhan kami! Kurniakanlah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami daripada azab neraka".

Oleh yang demikian, wahai kaum Muslimin, bersempena kita menyambut Hari Kebangsaan Negara kita yang Ke-39 Tahun ini, marilah kita berazam dan berusaha agar kita menjadi orang-orang yang beriman yang kuat dalam semua pengertian dan di segenap bidang demi untuk keamanan, kesejahteraan dan keharmonian hidup bermasyarakat, berbangsa dan bernegara serta mendapat rahmat dan direcai Allah Subhanahu Wata'ala, seterusnya untuk kejayaan kita di dunia dan di akhirat. *Amin Ya Rabbal Alam.*

Tafsirnya : "Dan kalaulah penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertakwa, tentulah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi tetapi mereka mendustakan (Rasul-rasul Kami) lalu Kami menimpakan mereka (dengan azab) disebabkan apa yang mereka telah usahakan". (Surah Al-A'raf, ayat 96)

مقركنلكن اقليكاسي موده اليه جابتن قنرغن

Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

PROGRAM QURANIC JOURNEY : KONGSI ILMU BERMANFAAT

TUNGKU LINK, Jumaat, 24 Februari. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) melalui Unit Kerohanian dan Khidmat Masyarakat, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UBD hari ini menganjurkan Program Quranic Journey dengan



sesi Tadabbur Al-Quran di Masjid Universiti, UBD.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Sesi pada kali ini menentang Tadabbur Surah Al-Kahfi yang disampaikan oleh Pensyarah Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Harapandi Dahri.

Program Quranic Journey berkenaan dijalankan pada setiap Jumaat bagi memastikan para warga UBD akan mengisi hari yang penuh keberkatan berkenaan dengan amal ibadah, iaitu pembacaan Surah Yaa Siin, bacaan Talaqqi Al-Quran dan juga Sesi Tadabbur Al-Quran.



Sesi berkenaan diadakan di Masjid UBD bagi mengalukan para warga UBD dalam sama-sama mengimarahkan masjid berkenaan dengan amal ibadah mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesi Tadabbur Al-Quran berkenaan juga dibukakan kepada orang ramai untuk sama-sama hadir agar ilmu yang dikongsikan dapat dimanfaatkan bersama.

Program yang disiarkan secara langsung melalui Instagram Persatuan Mahasiswa UBD berkenaan adalah sebagai wadah bagi para pelajar UBD khususnya dan orang awam amnya untuk

ANTARA yang menghadiri program berkenaan, berlangsung di Masjid Universiti, UBD.

NAIB Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle semasa hadir pada Program Quranic Journey dengan sesi Tadabbur Al-Quran (atas), manakala gambar kiri, Tadabbur Surah Al-Kahfi yang disampaikan oleh Pensyarah Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Harapandi Dahri.

menghayati isi Al-Quran.

Sesi Tadabbur Al-Quran Perdana sempena Sambutan Israk dan Mikraj 1444 Hijrah berkenaan mengongsikan ceramah bertajuk 'Solat Hakikat Israk' yang antara lainnya menentang ayat-ayat Al-Quran berkaitan solat dan menekankan tentang kewajipan solat dalam apa sahaja keadaan pun.

Di dalam sesi Tadabbur berkenaan juga turut dikongsikan mengenai kepentingan penghayatan dan pemahaman setiap bacaan dan gerak geri di dalam solat bagi mencapai hakikat

solat yang sebenar agar janji Allah bahawa solat dapat mencegah keburukan dan kemungkaran akan tercapai.

Pihak UBD akan tetap sentiasa menjadi penyalur ilmu untuk masyarakat awam dengan harapan seluruh masyarakat juga akan dapat mengambil manfaat daripada majlis-majlis ilmu yang diadakan oleh pihak UBD sekali gus untuk mencapai rahmat dan meraih reda Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Turut hadir, para pensyarah, kakitangan dan para mahasiswa-mahasiswi UBD.

58 peserta terima Sijil Skim Bimbingan Asas Muallaf Ke-198



KETUA Bahagian Pembangunan Muallaf, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dr. Hajah Rohanita binti Haji Yaakub semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Skim Bimbingan Asas Muallaf Siri Ke-198 (Perempuan) bagi Daerah Brunei dan Muara (kanan) manakala gambar kiri, Penolong Ketua Unit Da'wah Daerah Tutong, Dayang Zikrinaidah binti Haji Mat Dikir menyampaikan sijil kepada para peserta bagi Daerah Tutong.

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Februari. - Seramai 58 orang peserta menerima sijil masing-masing pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Skim Bimbingan Asas Muallaf Siri Ke-198 (Perempuan) yang diadakan secara serentak di keempat-empat daerah hari ini.

Majlis diunkayahkan oleh Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) dan Unit Da'wah di setiap daerah. Skim berkenaan dikendalikan selama 14 hari bermula 6 hingga 22 Februari 2023.

Penerima-penerima sijil terdiri daripada 16 orang peserta dari

Daerah Brunei dan Muara (DBM), 12 orang dari Daerah Belait, 18 orang dari Daerah Tutong dan 12 orang dari Daerah Temburong.

Bagi DBM, majlis tersebut diadakan di Dewan Serbaguna, PDI. Hadir selaku tetamu kehormat dan menyerahkan sijil penyertaan kepada para peserta ialah Ketua Bahagian Pembangunan Muallaf, PDI, Dr. Hajah Rohanita binti Haji Yaakub.

Di Daerah Belait, majlis diadakan di Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait. Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan sijil penyertaan kepada para peserta, Pegawai Perkembangan Ugama (I-Ready), Dayang Juliana @



Siti Shatirah binti Haji Jailani, wakil Pemangku Ketua Unit Da'wah Belait.

Sementara di Daerah Tutong, majlis mengambil tempat di Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyerahkan sijil penyertaan kepada para peserta ialah Penolong Ketua Unit Da'wah Daerah Tutong, Dayang Zikrinaidah binti Haji Mat Dikir.

Manakala di Daerah Temburong pula majlis diadakan di Pejabat Unit Da'wah Daerah Temburong. Hadir selaku tetamu kehormat dan menyerahkan sijil penyertaan kepada para peserta ialah Ketua Unit Da'wah Daerah Temburong, Awang Haji Hazimin bin Haji Metali.

Antara objektif skim tersebut diadakan adalah untuk menerapkan ajaran-ajaran agama Islam dalam kehidupan seharian para muallaf di samping menghalusi dan meningkatkan lagi kefahaman mereka tentang agama Islam terutama sekali dalam ibadat sembahyang, akidah dan akhlak dalam Islam. Skim yang dijalankan itu juga mengutamakan kualiti pembelajaran dan penyebaran syakhshiah yang baik.

Manakala pendekatan yang diambil adalah secara interaktif dan fleksibel mengikut tajuk-tajuk yang disampaikan dan dibincangkan bersama para peserta.

Sepanjang mengikuti Skim Bimbingan Asas itu, para peserta telah mempelajari ilmu asas Fardu

Ain dan Fardu Kifayah antaranya ialah Iqrah, Hafalan, Tauhid, Fiqh, Praktikal Ibadat, Sejarah Islam, Makanan dalam Islam, Akhlak Islam, Kebersihan dan Pengurusan Jenazah.

Demi menjaga dan memelihara kemashlahatan para muallaf di negara ini, PDI telah menyediakan beberapa program bimbingan khusus untuk para muallaf seperti Bimbingan Pengenalan Islam, Skim Bimbingan Asas (Melayu dan Inggeris), Skim Bimbingan Lanjutan I serta Skim Bimbingan Lanjutan II.

Selain itu, Kelas Bimbingan Muallaf juga turut dibukakan secara mingguan di keempat-empat daerah termasuk Program Lawatan Tarbiyah Muallaf.

PESERTA KURSUS TERIMA SIJIL

**Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Februari. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP) dengan kerjasama SEAMEO Regional Centre for Vocational and Technical Education and Training (SEAMEO VOCTECH) mengendalikan Majlis Penyampaian Sijil bagi beberapa penerima kursus latihan-latihan bagi Role of Clean and Hygienic Public Toilets in the Tourism Industry of Brunei Darussalam yang diadakan sebanyak lapan sesi bermula pada tahun 2021.

Majlis penyampaian sijil yang berlangsung di VIP Hall, KSSUP itu disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Salinah binti Haji Mohd. Salleh kepada lapan peserta terdiri daripada enam buah agensi kerajaan dan syarikat antaranya seperti Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Bintudoh Greenspring Resort, Perusahaan Pengkalan Waris, Labulicious Farm dan Brunei River Cruise.

Sejak latihan itu diadakan pada tahun 2021, seramai 108 peserta menyertai latihan tersebut di

mana telah diberikan kepada pemilik-pemilik, pengurus-pengurus, penyelia-penyelia dan kakitangan tempat-tempat menarik di Negara Brunei Darussalam, pengendali perkhidmatan pelancongan, restoran-restoran, gedung-gedung membeli belah, pos-pos kawalan, pasar-pasar, tamu-tamu dan pantai-pantai.

Tujuan latihan itu diadakan adalah untuk memberi pengetahuan dan kesedaran kepada stakeholders yang berkenaan mengenai kebersihan tandas awam dan tatacara pembersihan tandas yang berkesan dengan menggunakan amalan terbaik.

Di samping latihan itu, ia juga dapat mengajar peserta-peserta mengurangkan ancaman pencemaran dan menjaga persekitaran tandas awam yang lebih bersih, *hygienic* dan selamat untuk digunakan oleh para pelancong dan masyarakat umum.

Selain itu peserta-peserta juga turut belajar tentang cara pengurusan tandas yang lebih efektif serta mengamalkan pengurusan air dan pelupusan sisa yang betul bagi memastikan semua peralatan dan kemudahan yang disediakan



PEMANGKU Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Salinah binti Haji Mohd. Salleh hadir menyempurnakan sijil kepada para penerima kursus latihan-latihan bagi Role of Clean and Hygienic Public Toilets in the Tourism Industry of Brunei Darussalam.

adalah bersesuaian di samping menyediakan tenaga kerja yang khusus untuk mengendalikan tandas.

Melalui program latihan seperti ini, JKP berharap agar pengendali perkhidmatan pelancongan akan

sentiasa mengamalkan penjagaan kebersihan yang betul dan efektif bagi sama-sama dapat memastikan dan menjaga imej pelancongan negara yang mampan dan terpelihara.

Di samping itu, JKP juga diharap

akan memberikan pelajaran kepada pengendali perkhidmatan pelancongan bagi meningkatkan piawaian kemudahan pelancongan dan memberikan keutamaan kepada kebersihan, keselesaan dan keselamatan pelancong.

Semarak kebangsaan dengan kegiatan keagamaan



AHLI-AHLI Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam semasa Majlis Khatam Al-Quran Kali Ke-3 yang diselenggarakan dengan Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (atas, kanan dan bawah kanan).

Siaran Akhbar : Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Februari. - Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran Kali Ke-3 diselenggarakan dengan Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-39, Tahun 2023, hari ini.

Sebanyak empat kumpulan pembaca yang terdiri daripada Ahli-Ahli Majlis Jawatankuasa Tadbir, Pemimpin-pemimpin Dewasa, Pemimpin-pemimpin Muda, Pandu Puteri Ranjer dan Pandu Puteri menyelesaikan bacaan masing-masing untuk melengkapkan bacaan kesemua 30 Juz Al-Quran bagi kumpulan masing-masing.

Hadir semasa majlis tersebut ialah Naib Yang Di-Pertua Sepanjang Hayat PPPBD, Datin Paduka Hajah Zaharah binti Haji

Idris; Naib Yang Di-Pertua Sepanjang Hayat PPPBD, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali dan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Siti Hafsa binti Haji Abdul Halim serta ahli persatuan yang lain.

Turut sama dalam Majlis Khatam Al-Quran ini ialah ahli-ahli persatuan yang terlibat dalam Projek Pencinta Kalam Allah yang telah melengkapkan bacaan ke semua 30 Juz Al-Quran setiap seorang.

Aturcara majlis turut diisi dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, bacaan Doa Kesyukuran dan Doa Hari Kebangsaan sempena Hari Kebangsaan Ke-39 serta bacaan Doa Allah Peliharahan Sultan dan NBD yang dipimpin oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani.

Sementara itu, bacaan Takhtim

pula dipimpin oleh Pemimpin-pemimpin Muda PPPBD iaitu Dayang Nur Syasya Bazilah binti Shamsul, Dayang Izzah Raudhah binti Daud dan Dayang Nur Raqibah Rasyiqah binti Abdullah disusuli dengan bacaan Doa Khatam Al-Quran yang dibacakan oleh Pemimpin Muda PPPBD, Dayang Nurul Hasyimah binti Maysufriyal.

Di samping kegiatan-kegiatan perkembangan kemahiran, kemasyarakatan dan kebudayaan, PPPBD turut aktif dalam mengukayahkan kegiatan-kegiatan yang bersifat kerohanian dan keagamaan yang melibatkan penyertaan ahli-ahli dari semua peringkat.

Majlis Khatam Al-Quran yang merupakan salah satu dari kegiatan keagamaan tahunan persatuan itu bertujuan bagi menyemarakkan Sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-39 bagi Tahun 2023 dengan kegiatan-kegiatan keagamaan dan bermanfaat di samping memupuk budaya membaca, memahami dan



mendalami Al-Quran dalam kalangan ahli persatuan sekali gus mendidik ahli-ahli dari aspek kerohanian.

Selain itu, ia bertujuan untuk ahli-ahli lebih mendekatkan diri

kepada Al-Quran yang merupakan panduan hidup yang lengkap serta mengeratkan lagi hubungan silaturahmi dan memupuk perasaan muhibah dalam kalangan ahli persatuan.



Jangan sebar aib dalam media sosial!



Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Ihsan Mohammad Asbillah
Haji Pudin

akan menjadi ikutan generasi akan datang. Apa yang lebih parah lagi, kesan daripada fitnah dalam media sosial ini boleh memberi kesan seumur hidup terhadap orang yang difitnah atau diaibkan itu sehingga boleh menyebabkan mangsa berbuat sesuatu di luar batas kehidupan normal seperti mengakhiri hidupnya dengan tragis.

Ketahuilah, sebenarnya Allah Subhanahu Wata'ala telah menutup aib hamba-hamba-Nya agar tidak dapat dilihat oleh orang lain. Oleh itu, bersyukurlah andai Allah Subhanahu Wata'ala telah memelihara cela pada diri kita dengan kuasa-Nya. Malangnya, entah mengapa masih ada segelintir orang yang tanpa segan silu menjaja aib sendiri. Demikian juga ada yang tergamak membuka aib orang lain tanpa memikirkan impaknya kepada individu tersebut termasuk ahli keluarganya.

Didikan awal untuk kanak-kanak

Ibu bapa berperanan penting dalam mendidik anak terutama dalam penggunaan Internet. Kanak-kanak perlu dididik baik buruknya penggunaan Internet sejak awal lagi agar mereka dapat membezakan kebaikan dan keburukan media sosial. Jika mereka sudah faham, setentunya mereka akan dapat berfikir apakah yang mereka buat dalam media sosial boleh mendatangkan kebaikan atau sebaliknya.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kesalahan menggunakan media sosial sebagai tempat untuk menyebarkan fitnah, menjatuhkan maruah, mempamerkan kekayaan sehingga berlakunya riak atau memperlekehkan golongan lemah perlu dijauhi. Ini bukan sifat kita orang Brunei yang dikenali dengan sikap *beawar galat*. Ingatlah, keinginan untuk lebih dikenali dan terkenal dalam media sosial dengan memburuk-burukkan orang lain bukanlah satu sifat yang terpuji dan menjadi kebanggaan bahkan ianya lebih 'mencerminkan' peribadi orang yang menyebarkan aib tersebut.

SETENGAH abad lalu, penggunaan Internet dan media sosial masih belum wujud seperti sekarang. Pada awalnya penggunaan Internet digunakan untuk saling mengekalkan hubungan, meluaskan pengetahuan dan menjadi jaringan perniagaan. Seiring masa berlalu, penggunaan Internet semakin mendapat tempat di seluruh dunia bahkan ia sudah dianggap satu kemestian dalam setiap urusan.

Akhir-akhir ini, media bukan lagi terhad kepada akhbar. Media massa sudah berubah, berleluasa dan ia menjadi platform komunikasi yang digemari dan popular. Setiap hari, ada sahaja perkongsian yang dibuat oleh pengguna media sosial baik ianya urusan rasmi mahupun untuk peribadi.

Keghairahan untuk berkongsi cerita itu hinggalah terdapat segelintir pengguna tidak menyedari apa yang dikongsi itu menyalahi dan melampaui batas agama atau kemanusiaan bahkan juga faktor keselamatan negara. Media sosial sudah menjadi tempat untuk saling menabur fitnah, mempamerkan kemewahan dan mengumpat serta merendah-rendahkan antara satu sama lain. Penggunaan bahasa kesat sudah menjadi kebiasaan bagi masyarakat sekarang. Budaya begini seumpama menghidupkan masyarakat tidak bertamadun apatah lagi mempunyai pegangan agama.

Zaman berubah, semua perkara boleh menjadi kandungan media sosial untuk mengejar tanda suka. Tanpa disedari, perkongsian tanpa had mengenai kehidupan sendiri mengundang banyak hal negatif berbanding positif. Sebaik-baiknya jangan jadikan media sosial menjadi pembunuh senyap hubungan yang terjalin sesama manusia. Tetapi, itulah yang melanda masyarakat kita hari ini. Pelbagai isu berlegar yang belum tentu sah sah tetapi disebar oleh banyak orang sebagai tanda menyokong atau menyindir.

Tentunya bukan saja akal sihat yang diperlukan untuk menilai setiap berita dan kandungan yang dikongsi. Kebijaksanaan dalam membaca dan menyorot kandungan berkenaan perlu diambil kira sama ada apa yang dibaca, didengar atau dilihat itu benar atau tidak. Namun ada sesetengah *content* lebih kepada membuka pekung sendiri dan bagi tujuan tertentu kelihatannya ia semakin

membarah dalam masyarakat tanpa ada perasaan bersalah atau malu dengan apa yang mereka kongsi. Apalagi dewasa ini penyebaran aib makin meluas dengan adanya teknologi yang serba canggih ini. Sedangkan hal-hal yang mengaibkan tidak boleh didedahkan atau disebarkan kepada khalayak dengan sewenang-wenangnya, apatah lagi umat Islam dilarang membuka aib pihak lain walaupun dianggap sebagai musuh dan tidak disukainya.

Jangan berkongsi jika mengaibkan

Hari ini terdapat individu yang menggunakan media sosial untuk menceritakan keburukan pasangannya. Perbuatan ini sebenarnya ditegah dan dilarang dalam Islam, melainkan mereka menggunakan saluran yang betul, misalnya, membuat aduan kepada pihak berkuasa apabila dizalimi.

Dalam konteks rumah tangga, perselisihan faham seharusnya diselesaikan dengan cara yang disarankan agama, bukan mendedahkan di media sosial. Keadaan ini bukan semakin baik bahkan mengeruhkan lagi situasi yang memang sudah buruk. Biasanya jika hal-hal yang sensasi memang akan lekas menarik minat orang luar untuk mengetahuinya biarpun belum tentu sah sah atau tidak. Oleh itu, berfikirilah akan akibat yang mungkin timbul jika perkara-perkara seperti ini dikongsi dalam media sosial biarpun dengan alasan untuk mengungkapkan kebenaran atau melepaskan perasaan *stress*.

Kesan kepada yang diaibkan


Begitulah antara gambaran era informasi global yang menjadi cabaran kepada kita tidak kira di mana pun berada. Kemunculan media sosial menimbulkan reaksi yang memberi implikasi bukan sedikit kepada masyarakat dan negara. Ia menyebabkan pelbagai perubahan kehidupan terjadi dan menyentuh aspek moral, peradaban, keilmuan, keperibadian dan perubahan fizikal.

Sebagaimana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : *"Sesiapa yang memulakan dalam Islam suatu sunnah yang baik, lalu diamalkan orang selepasnya, dituliskan bagi pemulanya pahala orang yang*

beramal dengannya, dan tidak akan berkurang daripada pahala mereka sedikit pun, dan sesiapa yang memulakan dalam Islam suatu sunnah yang buruk, lalu diamalkan orang selepasnya, dituliskan baginya dosa sesiapa yang beramal dengannya, tanpa berkurang daripada dosa mereka sedikit pun". (Hadis Riwayat Muslim).

Oleh itu, seharusnya perbuatan negatif yang mampu menimbulkan rasa kurang senang disebabkan media sosial perlu ditangani dengan baik dan tindakan wajar perlu diambil.

Jangan sampai dijadikan sebagai budaya sehingga sanggup membelakangkan adab dan amalan yang diajarkan dalam Islam. Begitu juga dengan mengeluarkan sebarang kenyataan dengan niat untuk menyakitkan hati atau memalukan orang lain. Kita sering terbaca isteri menceritakan keburukan suami dan sebaliknya, termasuk anak yang tidak berpuas hati dengan tindakan ibu bapa. Hal seperti ini perlu ditegah kerana ini bukan budaya kita dan ditakuti perkara seperti ini



Oleh : Pena Merah

Ilustrasi : Meja Reka Kreatif Bahagian Pelita Brunei



MAKNA SEBUAH KEMERDEKAAN

"EH, bapanya. Semangat kita ani," tegur Hajah Masni yang baru sahaja masuk ke dalam ruang tamu.

Haji Zain memandang ke arah isterinya sebelum tersengih. Sehelai kain bendera Brunei Darussalam masih lagi terlipat kemas di tangan diusap penuh kasih-sayang. Lagaknya tidak ubah seperti seorang ayah sedang mengusap ubun-ubun si anak pula.

"Au, lai. Inda lagi batah negara kitani ani kan menyambut Hari Kemerdekaan. Iatah masanya kan basiap-sadia ni sebelum kana suruh naikan bandera di luar atu," kata Haji Zain yang sudah berusia 70an itu. Walaupun diri sudah dimamah usia, setiap kali Negara Brunei Darussalam menyambut hari bersejarah itu, dialah orang yang paling bersemangat! Sebulan sebelum hari kemerdekaan disambut, dia akan pastikan bendera yang disimpan di dalam almari khas itu tidak koyak, kotor atau apa sahaja yang melibatkan bendera tersebut nampak tidak menarik di matanya.

"Ah? Hari Kemerdekaan? Bukannya batah lagikah? Cuba ku meliat dahulu kalendar ani," kata Hajah Masni sambil tangan tuanya mencapai kalendar yang ada di atas meja. Dibeleknya kalendar itu dan ternyata benar, dalam sebulan lagi, negara tercinta mereka, Negara Brunei Darussalam bakal menyambut hari yang penuh bersejarah!

"Padantah semangat kita ani, bapanya!" ujar Hajah Masni. Dia faham benar akan semangat Haji Zain yang membara setiap

kali Brunei Darussalam menyambut hari bersejarah tersebut.

"Sabulan saja lagi Brunei ani menyambut Hari Kemerdekaan. Mudahan tah batis ku ani tahan nanti badiri meliat di padang atu nanti, maklumlah, sudah tua ani. Batis pun inda larat kan badiri batah-batah," kata Haji Zain.

"Au. Banarnya kita atu, bapanya. Inda bah, bendera ani bah, inda ada kuyak kah tatas kah apa?"

"Nah, iatah kan diliati ani. Kalaunya ada, dapat jua karang kitani bajalan sakajap maliat di kadai. Bendera ani mun kan mengibarkan, mesti yang sempurna. Jangan dikibarkan mun ya kuyak. Inda tia bisai karang," kata Haji Zain. Dia memang seorang yang cukup suka pada kesempurnaan. Tambahan lagi jika berhubung-kait dengan bendera yang bakal menghiasi setiap rumah di luar sana nanti.

"Bah, baik tah kita liati dulu. Karang mun kuyak apa, au, sia-sia semangat merdeka kita," ujar Hajah Masni, bergurau.

"Au, au. Ni nah, kan ku urak tah ni," kata Haji Zain.

Apabila kain bendera tersebut diperiksa, ternyata ada koyak bekas gigitan di hujung-hujung kain bendera tersebut.

"Nah! Tikus tah ni manggigit! Eh! Banar tah tikus atu! Diperangkap, inda ya pandai kadapatan. Adakah bendera ani tah pulang digigitnya! Eh! Banar tah. Barikan marah saja!" Haji Zain luahkan rasa geramnya. Dia tahu penyebab bendera tersebut koyak.

"Sabar saja, bapanya. Andangnya tikus

ani, diperangkap karang, inda jua pandai tuhus. Bah, cemani saja. Kitani bajalan tah sakajap karang malam. Meliat di kadai bandera ani, lagipun inda jua bisai mun ani kan kita naikkan nanti ke tiang luar rumah kitani atu," kata Hajah Masni.

"Bah, bulih jua. Karang malam tarus tah kitani makan badua di restoran. Batah jua kediaku ani inda membawa kedikau makan di luar. Maklumlah, sudah tua," kata Haji Zain sambil tersengih-sengih.

"Eh! Ada saja kita ani bang eh! Bah, karang tah bajalan sakajap..."

Haji Zain kembali memandang pada bendera di tangan. Sungguh sayang dia pada bendera tersebut. Mungkin orang beranggapan, dia berlebihan tapi bendera itu melambangkan bendera Negara Brunei Darussalam.

"Iatah tempat kediaku lahir ni Brunei ani. Hari Kemerdekaan 23 haribulan Februari atu bah, iatah hari paling di tunggu-tunggu tu ulih urang-urang kitani. Meriah tu munnya raja kitani turun menyaksikan persembahan Hari Kemerdekaan atu! Syukur Alhamdulillah, masih dikurniakan umur yang panjang tahun ani, dapat jua meliat di TV mun inda balaku meliat secara langsung," ujar Haji Zain sambil tangannya melipat kembali kain bendera.

"Au, bapanya. Banar tu nya kita atu! Mun inda merdeka Brunei ani dulu, antah, sana sini tia kali kan baperang macam dulu-dulu atu. Sekarang ani Alhamdulillah... Negara Brunei Darussalam pun aman damai. Ada raja pengasih. Ada rakyat-jelata yang taat

perintah Allah dan patuh pada pemimpinnya. Syukur Alhamdulillah Allah memelihara negara kitani ani, bapanya!"

"Au, banar tu nyamu atu, babunya. Alhamdulillah. Iatah sebab atu kitani mesti bersyukur. Iatah makna kemerdekaan sabanar-banarnya tu! Karang ani, apa itu ini mesti bersyukur. Nikmati segala apa yang ada. Bukan merungut. Ni nah, hari merdeka ani tah saja, siuk ni nanti! Merdeka! Merdeka! Merdeka!" laung Haji Zain penuh bersemangat. Lagaknya sudah seperti sedang berada di Padang Sultan Omar 'Ali Saifuddien pada 1 Januari 1984 ketika kali pertama Brunei Darussalam diisytiharkan merdeka oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Almarhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II yang merupakan Sultan Brunei ke-28.

"Eh! Takajut ku kita ani eh! Kebeliangan ku bah! Baik jua inda sakit jantung kediaku ani," kata Hajah Masni sambil mengurut dadanya.

Haji Zain sudah tersengih-sengih. "Eh! Sori babunya. Indaku sengaja. Tabawa-bawa bah zaman dulu atu!" ujar Haji Zain. Malu.

Hajah Masni hanya bergeleng. Haji Zain memang orang yang bersemangat sejak dulu lagi. Setiap kali Brunei Darussalam akan menyambut Hari Kebangsaan, Haji Zain akan begitu. Dan Hajah Masni suka pada semangat Haji Zain itu walaupun agak berlebihan di mata orang lain.

PERANAN BELIA MEMACU KEMAJUAN NEGARA

■ Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Februari. - Belia yang berkualiti dengan ilmu, kemahiran dan berakhlak mulia akan mampu menjadi sumber tenaga manusia yang diharap oleh negara dan mempunyai ciri-ciri 'Generasi Berwawasan' yang mampu bersama dalam menyumbang ke arah pembangunan dan kemajuan negara. Mewakili Kumpulan Cemerlang bagi perbarisan

AWANG Adi Salihin bin Roslan.



sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-39, Tahun 2023 dan merupakan penerima ASEAN Prize 2022 di Kemboja baru-baru ini, Awang Haji Muhammad Iqbal Fakhri bin Haji Damit yang juga pernah menerima Anugerah Belia berkhidmat pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-12, Tahun 2017 berkata, kita sebagai belia harus memikirkan apa yang dapat kita sumbangkan kepada kerajaan untuk sama-sama menjayakan Wawasan Brunei 2035 seperti yang pernah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang antara lain menyentuh, kerajaan boleh menyediakan platform tetapi yang harus berusaha keras ialah belia sendiri.

Awang Haji Muhammad Iqbal dihargai atas kepimpinan aktif beliau dalam gerakan belia dan kesukarelawanan khususnya memberikan bantuan kepada orang-orang kehilangan tempat tinggal, sekali gus

AWANG Haji Muhammad Iqbal Fakhri bin Haji Damit.



menjwai semangat Komuniti ASEAN yang berorientasikan rakyat dan berdaya tahan.

Perkara yang sama turut dikongsikan oleh penerima anugerah Kategori Belia Cemerlang bagi Tahun 2020, Awang Adi Salihin bin Roslan. Beliau berharap akan lebih ramai atlet negara berusaha keras ke arah mengharumkan nama negara melalui sukan.

Awang Adi Salihin yang juga pernah merangkul pingat emas pertama NBD pada Sukan SEA 2019 di Filipina menerusi sukan

Wushu, antara lain melahirkan harapan agar anugerah yang diberikan itu mampu memberikan sumber inspirasi kepada belia-belia terutamanya belia yang bergiat aktif dalam bidang sukan kerana atlet NBD juga berkemampuan untuk memberikan persaingan sekali gus mencipta nama dalam pertandingan berprestij antarabangsa.

Golongan belia tambanya, memainkan peranan yang amat penting dalam memacu kemajuan pembangunan negara ke arah kejayaan Wawasan Brunei 2035.

Bersama maju demi negara berteraskan MIB

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Februari. - Kedaulatan dan martabat nusa bangsa yang telah dicapai sejak kemerdekaan perlu dipelihara dan dipastikan kelangsungannya agar tanah air yang dicintai tidak dijajah dan dilupakan sejarah di sebaliknya.

Memang tidak dapat dinafikan lagi, golongan belia sebenarnya memainkan peranan yang sangat signifikan terhadap pembangunan negara serta kemajuan negara kerana kalau bukan kita, sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD), siapa lagi yang diharapkan.

Perkara tersebut dikongsikan oleh peserta Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39, Tahun 2023, Dayang Faten Amira Izzaty binti Joperi yang mewakili Unified National Networks (UNN).

Sementara itu, Dayang Nur Amalina binti Abu Bakar, 26, dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri berkata, sebagai belia, mereka memainkan peranan yang sangat



DAYANG Nur Amalina binti Abu Bakar.

DAYANG Faten Amira Izzaty binti Joperi (kiri) dan Dayang Hajah Amalina binti Awang Haji Tahir (kanan).

signifikan terhadap pembangunan dan kemajuan negara dengan sentiasa membabitkan diri dan menyertai apa juga acara seperti kempen kepimpinan dan kempen kebersihan boleh membantu merangsang minda belia untuk sama-sama membangun dan memajukan negara.

Manakala, Bendahari Kolej Universiti Perguruan U gama Seri Begawan, Dayang Hajah Amalina binti Awang Haji Tahir berkata, peranan sebagai belia adalah sangat penting dalam memacu perkembangan dan pembangunan negara kita yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja.

"Dalam konteks pendidikan, belia perlu bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan terutama dari sudut pembelajaran di sekolah-sekolah atau universiti. Pendidikan adalah kunci bagi menuju

kejayaan duniawi dan ukhrawi bagi melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi dan bernilai dalam kita sama-sama menjayakan aspirasi negara menuju Wawasan Brunei 2035.

"Keupayaan pembelajaran golongan belia perlu diperkasakan dengan penglibatan ibu bapa sebagai orang yang terdekat dengan mereka dengan memberikan sokongan berterusan dan membantu meleraikan permasalahan mereka agar dapat ditanganinya dengan baik berlandaskan prinsip-prinsip ajaran agama Islam serta undang-undang negara. Belia adalah aset negara yang paling berharga, di mana akan mencorak masa depan Negara Brunei Darussalam.

"Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Yang Ke-39, semoga NBD akan terus dilimpahi kemakmuran dan kesejahteraan di bawah kepimpinan raja kitani," tambahnya lagi.

Sementara itu, bagi Awang Mohamad Faiz Haziq yang mewakili Persatuan Bulan Sabit Merah berkata, ini merupakan kali pertama beliau mengikuti Perbarisan Lalu Hari Kebangsaan NBD yang Ke-39 Tahun.

Menurutnya, peranan belia sebagai belia Brunei, akan terus menyumbang bakti dan tenaga kepada masyarakat juga negara dengan menyertai program-program atau acara-acara yang dikendalikan



AWANG Mohamad Faiz Haziq



MENJADI PENDENGAR YANG BAIK DI TEMPAT KERJA

Apabila melihat rakan yang mengalami stress/tekanan, adalah menjadi tanggungjawab bersama dalam memberikan sokongan untuk memupuk sifat prihatin dan semangat setiakawan di dalam sesebuah organisasi. Tanpa adanya sokongan atau bantuan daripada orang sekeliling di tempat kerja, ia akan membuatkan prestasi dan produktiviti kerja terganggu.

Dalam memberikan sokongan dan berbicara dengan rakan sekerja, empati adalah amat penting bagi menunjukkan bahawa biskita memahami apa yang telah disampaikan. Berikut adalah contoh yang boleh digunakan untuk menunjukkan biskita prihatin akan kesejahteraan rakan sekerja:

- 1 "ADA APA-APA YANG BOLEH SAYA BANTU?"
- 2 "SAYA DISINI BERSEDIA MENDENGAR LUAHAN KITA."
- 3 "BOLEH BISKITA KONGSIKAN APA YANG MENGANGGU FIKIRAN BISKITA?"
- 4 "BISKITA BOLEH AMBIL MASA UNTUK BERKONGSI DENGAN SAYA."
- 5 "KALAU ADA KEPERLUAN, KITANI BOLEH BERBINCANG LAGI PADA MASA YANG AKAN DATANG."
- 6 "TERIMA KASIH KERANA BERKONGSI PERKARA INI DENGAN SAYA."
- 7 "SAYA DOAKAN SEMUA AKAN DIPERMUDAHKAN."

HADITH RASULLULAH YANG BERMAKSUD:

"Barangsiapa melapangkan seorang mukmin dari satu kesusahan dunia, Allah akan melapangkannya dari salah satu kesusahan di hari kiamat. Barangsiapa meringankan penderitaan seseorang, Allah akan meringankan penderitaannya di dunia dan akhirat. Barangsiapa menutupi (aib) seorang muslim, Allah akan menutupi (aib)nya di dunia dan akhirat. Allah akan menolong seorang hamba selama hamba itu mahu menolong saudaranya." (Hadith Riwayat Muslim dari Abu Hurairah).

KERJASAMA BAHAGIAN PERKHIDMATAN KAUNSELING
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
DENGAN UNIT KESEJAHTERAAN DAN KAUNSELING
KEMENTERIAN KESIHATAN



KAUNSELINGIPA@PSD.GOV.BN



KAUNSELING_IPA



BAHAGIAN PERKHIDMATAN KAUNSELING

oleh pihak sekolah atau Persatuan Bulan Sabit Merah sama ada program keagamaan, kemasyarakatan, kenegaraan dan lain-lain.

Di samping itu juga, selaku anak

Brunei, beliau akan berusaha lebih gigih lagi dalam pelajaran kerana pelajaran itu amat penting agar suatu hari nanti dapat ikut sama-sama memajukan bangsa dan negara.

LEBIH 40 SERTAI PROGRAM ZIARAH DAN BERTAHILIL



Berita dan Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Tim Penyelidik dan Pemikir Sejarah Mukim Saba

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Februari. - Ahli Jawatankuasa (AJK) Tim Penyelidik dan Pemikir Sejarah Mukim Saba mengadakan Program Ziarah dan Bertahilil Ke Kubur Liau Badar bin Pengarah Sahat, Pahlawan Mukim Saba, yang diadakan pada 12 Februari lalu, bertempat di Perkuburan Islam, Jalan Residency dan Perkuburan Islam Dagang, Bandar Seri Begawan.

Program juga diteruskan dengan menziarahi dan meninjau secara dekat batu-batu nisan bersejarah yang terdapat di dua kawasan perkuburan berkenaan sebagai pengetahuan dan maklumat sejarah kepada AJK Tim Penyelidik dan Pemikir Sejarah Mukim Saba dan

lainnya secara umum.

Lebih 40 orang peserta menyertai program berkenaan yang terdiri daripada AJK Tim Penyelidik.

Turut diundang ialah Pengerusi Perkasa, Haji Ismail bin Haji Hamdan; pasukan Lumba Perahu Mukim Saba; pasukan bola sepak Angkasa Mukim Saba; dan keluarga besar Purih Mukim Saba.

Program dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi AJK Tim Penyelidik dan Pemikir Sejarah Mukim Saba, Haji Masri bin Haji Kambar.

Dalam ucapannya, beliau mengucapkan terima kasih kepada para peserta di atas penyertaan dan kehadiran mereka pada hari berkenaan.

Turut hadir ialah Haji Duraman

bin Tuah selaku informan yang menerangkan secara ringkas mengenai sejarah Mukim Saba dan perkuburan bersejarah di kedua-dua tempat berkenaan terutamanya mengenai sejarah kubur Pahlawan Saba 'Liau Badar'; kubur atau makam keluarga diraja di tempat berkenaan seperti batu nisan Roqayah binti Sultan Abdul Majid; kubur yang dikatakan milik Sultan Sulaiman berdasarkan kepada takapan Pusat Sejarah Brunei; kubur Sultan Shah Brunei serta kubur bersejarah lainnya yang terdapat di kedua-dua tempat berkenaan.

Turut dijemput ialah Pensyarah di Universiti Brunei Darussalam, Prof. Dr. Haji Asbol bin Mail, selaku informan yang menerangkan secara ringkas mengenai 'Sejarah Perpindahan Orang-orang Kampung Saba ke Kampung Ranggau'.

Kehadiran kedua-dua orang informan berkenaan sedikit sebanyak dapat memberikan kefahaman kepada para peserta program terutama sekali kepada generasi baharu Purih Mukim Saba mengenai sejarah kegemilangan Mukim Saba termasuklah keberadaan batu-batu nisan bersejarah di kedua-dua tempat berkenaan yang memberikan maklumat penting untuk dikaji pada masa akan datang dan kenapa batu-batu nisan bersejarah dimakamkan atau dikuburkan di sana terutama kedudukannya bertepatan atau berhadapan dengan penempatan Mukim Saba.



AHLI Jawatankuasa (AJK) Tim Penyelidik dan Pemikir Sejarah Mukim Saba mengadakan Program Ziarah dan Bertahilil Ke Kubur Liau Badar bin Pengarah Sahat, Pahlawan Mukim Saba (atas dan atas sekali).

DARI MAHKAMAH

Padah bakar ruang tamu, tarik perhatian teman lelaki

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Februari. - Seorang perempuan warga tempatan dijatuhkan hukuman penjara empat bulan oleh Mahkamah Majistret, di sini, selepas didapati bersalah membakar ruang tamu flat gara-gara untuk menarik perhatian teman lelakinya.

Keputusan tersebut dibuat oleh Majistret Syaffina binti Syahif selepas defendan, Siti Nadiyah binti Azmi, 31, didapati bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 448 Kanun Jenayah Bab 22 kerana membakar dengan sengaja.

Mengikut pertuduhan, defendan didakwa dengan sengaja membakar ruang tamu milik Majlis Ugama Islam Brunei yang menyebabkan kebakaran dan kerosakan kediaman berkenaan.

Defendan didakwa melakukan kesalahan itu di Flat Kampung Mumong Kuala Belait, jam 4.35 petang pada 30 Januari 2023 lalu.

Menurut fakta kes, semasa kejadian, pengadu menerima teks daripada defendan pada 30 Januari 2023, defendan telah memaklumkan bahawa dia telah membakar ruang bilik tamu (flat) dengan membakar menggunakan sekeping Polistirena.

Akibatnya, pengadu segera bergegas ke flat tersebut dan memadamkan api menggunakan air daripada bilik air yang dikumpul dalam baldi. Selepas memadamkan api, pertengkaran mulut telah berlaku antara pengadu dengan defendan sehingga defendan telah berjaya melarikan diri.

Akibat kebakaran tersebut, pengadu membuat laporan polis yang membawa kepada penahanan defendan. Siasatan polis mendedahkan bahawa penghuni terakhir flat tersebut sekarang meninggal dunia dan pada masa ini tidak berpenghuni.

Siasatan polis selanjutnya mendedahkan bahawa pada 30 Januari 2023, defendan telah memasuki flat tersebut tanpa kebenaran walaupun mengetahui flat tersebut bukan miliknya.

Siasatan lanjut mendedahkan bahawa defendan telah memasuki dan menetap secara tidak sah di dalam flat itu berulang kali sejak tahun 2022.

Semasa siasatan polis dijalankan, defendan mengaku melakukan kesalahan tersebut. Defendan juga mengakui bahawa dia telah memasuki flat tanpa kebenaran daripada pemiliknya dan seterusnya mencetuskan kebakaran flat tersebut.

Dalam rekod, defendan mempunyai sabitan terdahulu berhubung dengan kesalahan terhadap harta benda. Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Firdaus bin Haji Muhammad.

Bantu kesan pekerja lari daripada majikan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



TUTONG, Rabu, 22 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang pekerja warganegara Indonesia, Mohammad Fatoni, berumur 28 tahun dan pemegang pasport E0081883 yang dilaporkan lari daripada majikan.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenai beliau, sila hubungi Balai Polis Tutong, Daerah Polis Tutong melalui talian +673 4221206 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau terus melaporkan ke balai-balai polis berdekatan.

WARGANEGARA Indonesia, **Mohammad Fatoni**, dilaporkan lari daripada majikan.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn



PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA



*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

EKONOMI EU PAMER TANDA POSITIF, DI TENGAH-TENGAH KRISIS UKRAINE



LONDON, 24 Feb. - Ekonomi Eropah mengalami ketidaktentuan yang didorong oleh krisis Ukraine termasuk lonjakan harga tenaga, krisis bekalan makanan, pengetatan monetari yang lebih pantas daripada jangkaan, manakala subsidi dan inflasi muncul sebagai isu ekonomi utama.

Institusi kewangan terbesar dunia, termasuk Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia terpaksa menyemak semula unjuran mereka untuk tahun ini dan tahun-tahun akan datang, lapor Agensi Anadolu.

Sebelum krisis itu, Bank Dunia menjangkakan ekonomi global berkembang sekitar 4.1 peratus, dengan unjuran serupa bagi

Kesatuan Eropah (EU), tetapi badan global itu telah mengurangkan unjuran pertumbuhannya daripada tiga peratus kepada 1.7 peratus.

Penurunan unjuran itu disebabkan oleh pengetatan dasar monetari untuk mengurangkan inflasi yang tinggi, pelaburan yang rendah dan gangguan disebabkan oleh konflik di Ukraine, menurut bank itu dalam satu laporan pada Januari.

IMF juga mengumumkan bahawa pertumbuhan global dijangka perlahan daripada 3.4 peratus pada 2022 kepada 2.9 peratus pada 2023, dengan kelembapan diunjurkan lebih ketara bagi ekonomi maju.

Menurut kajian Institut

Penyelidikan Ekonomi Jerman, perang di Ukraine telah mengakibatkan ekonomi global mengalami kerugian "lebih US\$1.6 trilion" tahun lalu, dengan kerugian pengeluaran global berjumlah US\$1 trilion atau lebih pada 2023.

Bagaimanapun, anggaran terkini Suruhanjaya Eropah menunjukkan bahawa ekonomi EU menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada unjuran awal, dengan prospek pertumbuhan 0.8 peratus untuk tahun ini.

Selain itu, unjuran inflasi telah diturunkan untuk 2023 dan 2024. Walaupun keadaan masih tidak menentu, EU dijangka dapat mengelak kemelesetan teknikal.

"Walaupun terdapat kejutan yang luar biasa, ekonomi EU dapat

mengelak penguncupan suku keempat yang diunjurkan dalam Ramalan Musim Luruh. Kadar pertumbuhan tahunan bagi 2022 kini dianggarkan pada 3.5 peratus," menurut EU.

Bagaimanapun, blok itu masih menghadapi cabaran besar pada 2023, dengan Rusia memotong bekalan gas asli ke Eropah, serta beberapa negara mungkin bergelut dengan kemelesetan teknikal.

Beberapa negara anggota telah mengutamakan langkah rangsangan fiskal untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi, manakala yang lain memberi tumpuan kepada pembaharuan struktur untuk menangani cabaran yang berpanjangan seperti produktiviti yang rendah, tahap hutang yang

tinggi dan tekanan demografi.

Menjelang 2023, pilihan dasar yang berbeza berkemungkinan akan berterusan.

Sesetengah negara anggota mungkin perlu mengekalkan langkah rangsangan fiskal untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi manakala yang lain mungkin beralih ke arah penyatuan fiskal untuk menangani peningkatan tahap hutang.

Faktor luaran seperti prospek ekonomi global, risiko geopolitik dan perubahan iklim juga akan memainkan peranan penting dalam membentuk prestasi ekonomi negara anggota EU pada 2023. - ©BERNAMA

Jepun beri geran bantuan bernilai AS\$16MLN kepada Turkiye, Syria

TOKYO, 24 Feb. - Jepun bersetuju untuk menyediakan geran bantuan bernilai AS\$16 juta kepada Turkiye dan Syria dan sehingga kini Tokyo sudah menghulurkan bantuan berjumlah AS\$27 juta, lapor Sputnik, memetik Ketua Setiausaha

Kabinet Hirokazu Matsuno pada Jumaat.

"Susulan kejadian gempa bumi di Turkiye dan Syria, Jepun pada hari ini (dalam mesyuarat kerajaan) memutuskan untuk menghantar AS\$16 juta geran bantuan kepada mangsa di kedua-dua negara," kata

Matsuno pada sidang media di Tokyo.

Selain itu, beliau berkata pakej bantuan tambahan sebanyak AS\$4 juta akan dihantar ke Turkiye dan Syria melalui pertubuhan bukan kerajaan Jepun. - ©BERNAMA

PM UK timbang naikan gaji sektor awam sebanyak 5 peratus untuk tamat mogok

MOSCOW, 22 Feb. - Perdana Menteri UK Rishi Sunak sedang menimbang untuk menaikkan gaji pekerja sektor awam sebanyak 5 peratus bagi menamatkan gelombang mogok susulan rangsangan luar jangka yang diterima oleh Perbendaharaan negara itu sebanyak 30 bilion pound (AS\$36.36 bilion), lapor Sputnik memetik laporan Financial Times.

Memo yang dipetik oleh media menyebut bahawa kenaikan gaji 5 peratus untuk penjawat awam pada 2023-2024 mempunyai "risiko rendah" dalam penetapan penanda aras untuk pertumbuhan gaji sektor swasta.

Langkah itu dibuat selepas angka rasmi menunjukkan bahawa pinjaman awam berkemungkinan 30 bilion paun lebih rendah daripada jangkaan disebabkan

oleh penerimaan cukai yang tinggi, penurunan harga tenaga dan pelaburan awam yang rendah.

Unjuran baharu kewangan awam itu memberi peluang kepada Sunak untuk menawarkan kenaikan gaji ketika kerajaannya berusaha untuk menamatkan tindakan mogok yang mendominasi politik semasa kepimpinannya.

Media memetik sumber kerajaan sebagai berkata bahawa London sedang mempertimbang kenaikan gaji kira-kira 5 peratus untuk pekerja sektor awam tahun depan selain bayaran terbelakang, walaupun angka itu berada di bawah unjuran inflasi 5.5 peratus untuk tahun depan.

UK menyaksikan beberapa siri mogok oleh penjawat awam sejak beberapa bulan lepas ekoran rasa tidak puas hati terhadap situasi ekonomi yang semakin buruk

disebabkan kenaikan harga tenaga dan inflasi yang melambung tinggi.

Pekerja syarikat kereta api, pejabat pos, lapangan terbang dan peguam adalah antara sektor yang menyertai demonstrasi.

Badan penyiar UK Sky News yang memetik data dari Pejabat Perangkaan Kebangsaan (ONS) negara itu yang berkata jumlah hari bekerja yang hilang akibat pertikaian buruh pada Disember berjumlah 843,000 jam, menjadikan jumlah hari mogok dari Jun hingga Disember 2022 kepada 2,471,000 jam, angka tertinggi sejak 1989.

Pada akhir Januari, ONS berkata jumlah pinjaman awam di UK pada Disember 2022 mencecah 27.4 bilion pound, angka tertinggi pada Disember dalam sejarah UK. - ©BERNAMA

China tawar penyelesaian ideal untuk keselamatan dunia

BEIJING, 22 Feb. - China pada Selasa menyiarkan Kertas Konsep Inisiatif Keselamatan Global (GSI) yang memperincikan mengenai konsep teras dan prinsip inisiatif itu.

GSI yang dikemukakan Presiden China Xi Jinping pada April 2022 itu bertujuan menegakkan haluan dan menyediakan idea baharu bagi menangani masalah keselamatan yang diidap oleh umat manusia.

Ia mendorong supaya pelbagai negara mengadakan dialog berbanding konfrontasi, menjadi rakan berbanding sekutu dan mengejar kerjasama saling menguntungkan.

Pada masa ini, GSI disokong oleh pertubuhan dari lebih 80 buah negara dan kawasan.

Inisiatif itu merujuk kepada

komitmen memegang konsep keselamatan yang komprehensif, bersifat bekerjasama dan mampan; menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah negara lain, mematuhi manifesto dan prinsip Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB); mengambil berat kebimbangan munasabah semua pihak dalam isu keselamatan; menyelesaikan percanggahan antara negara menerusi dialog serta rundingan, selain bertindak memelihara keselamatan konvensional dan bukan konvensional.

Kertas Konsep GSI itu menggariskan hala tuju kerjasama membabitkan 20 aspek utama yang menjadi keprihatinan dalam bidang keselamatan antarabangsa yang paling

mendesak pada masa ini.

Ia termasuk PBB sebagai teras dalam tadbir urus keselamatan, mendorong penyelesaian isu hangat menerusi dialog, bertindak balas secara berkesanan terhadap cabaran keselamatan konvensional dan bukan konvensional, serta menambah baik sistem tadbir urus keselamatan global.

GSI turut menuntut agar semua negara perlu bertanggungjawab terhadap keselamatan dunia dengan menyifatkan ia sebagai hak pelbagai negara dan bukan milik beberapa negara tertentu.

China berharap pelbagai pihak mengambil bahagian dalam GSI untuk menyumbang kepada kedamaian dan keamanan dunia. - ©BERNAMA

Gempa bumi kuat landa Indonesia pagi Jumaat

JAKARTA, 24 Feb. - Gempa bumi berukuran 6.8 pada skala Richter melanda wilayah timur Indonesia Maluku Utara pada pagi Jumaat, manakala tiada kemalangan jiwa atau kerosakan dilaporkan setakat ini, lapor Xinhua.

Gempa bumi berlaku pada 03.02 pagi waktu tempatan Jumaat (2002 GMT Khamis) dengan pusat gempa terletak 133 kilometer (km) barat laut daerah Pulau Morotai dan kedalaman 112 km di bawah dasar laut, dan tidak mencetuskan tsunami, menurut agensi meteorologi, klimatologi dan geofizik kebangsaan.

Gegaran turut dirasakan di wilayah berdekatan Sulawesi Utara, menurut agensi itu.

Gempa bumi itu tidak menyebabkan kerosakan pada bangunan atau kemudahan infrastruktur, kata Abdul Muhari, jurucakap Agensi Pengurusan dan Mitigasi Bencana Negara.

"Penduduk di daerah Pulau Morotai turut merasai gegaran itu," kata Yusri A Kasim, ketua unit kecemasan agensi bencana di wilayah Maluku Utara.

Indonesia terletak di zon terdedah gempa bumi iaitu "Lingkar Api Pasifik". - ©BERNAMA

Amaran cuaca sejuk hampir 30 negeri di AS

LOS ANGELES, 23 Feb. - Amaran cuaca sejuk dikeluarkan di 29 negeri di Amerika Syarikat dengan lebih 65 juta rakyat akan mengalami kesejukan yang melampau.

Ribut beserta salji dan hujan lebat dijangka melanda sebahagian besar kawasan utara Amerika Syarikat minggu ini, Xinhua memetik laporan CBS News pada Rabu.

Rakyat Amerika Syarikat diminta bersiap sedia untuk menghadapi salji, hujan batu, angin kencang dan kemungkinan banjir kilat.

Cuaca ekstrem dijangka mengganggu perjalanan dan mengakibatkan bekalan elektrik terputus di kebanyakan wilayah.

Lebih 1,400 penerbangan yang dijadualkan pada Rabu di AS telah dibatalkan, kebanyakannya membabitkan Minneapolis, Denver dan Detroit, menurut laman sesawang penjejakan FlightAware. - ©BERNAMA

Angka kematian akibat gempa bumi kuat di Selatan Turkiye meningkat kepada 42,310

ANKARA, 22 Feb. - Sekurang-kurangnya 42,310 orang terbunuh akibat dua gempa bumi kuat yang menggegarkan selatan Turkiye pada 6 Feb, kata agensi pengurusan bencana negara itu pada Selasa.

Presidensi Pengurusan Bencana dan Kecemasan (AFAD) berkata gempa yang berpusat di daerah Pazarcik dan Elbistan di wilayah Kahramanmaraş itu juga menyaksikan 7,184 gegaran susulan, lapor Anadolu Agency.

Gempa bermagnitud 7.7 dan 7.6 itu turut melanda 10 wilayah lain - Adana, Adiyaman, Diyarbakir, Hatay, Gaziantep, Malatya, Kilis, Osmaniye, Elazığ dan Sanliurfa. Lebih 13 juta penduduk terjejas akibat gempa bumi dahsyat itu.

Dalam tempoh kurang dari 10 jam beberapa negara di rantau itu, termasuk Syria dan Lubnan, turut merasakan gegaran kuat yang melanda Turkiye.

Sejumlah 14,740 anggota mencari dan menyelamatkan tempatan dan antarabangsa kini berada di lapangan untuk kerja-kerja mencari dan menyelamatkan, kata AFAD.

Sementara itu, pada taklimat media Menteri Dalam Negeri Turkiye Suleyman Soyulu berkata sekurang-kurangnya enam orang terbunuh dan 562 yang lain cedera, termasuk 18 dalam keadaan kritikal, selepas gempa bumi baharu menggegarkan Hatay, wilayah paling selatan Turkiye pada lewat Isnin. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



KONVOI KENDERAAN MERCEDES BENZ SEMARAKKAN HK NBD

■ Berita dan Foto : Ihsan Kelab Benzer NBD

TUTONG, Khamis, 23 Februari. - Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023 (HK NBD Ke-39), Kelab Benzer NBD petang tadi mengadakan Konvoi Kendaraan Mercedes Benz yang bermula dari Helipad Sungai Basong menuju Pusing Keliling Rasau, Daerah Belait dan berakhir di Kelab Rekreasi Liang Lumut (LLRC).

Pelepasan konvoi dirasmikan oleh Pemangku Ketua Kampung Kelugos dan Sinaut, Awang Haji Ismail bin Haji Mohammad, selaku tetamu kehormat.

Konvoi sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-39 tersebut diketuai oleh Yang Dipertua kelab berkenaan, Awang Abdul Aziz bin Haji Md Daud.

Sebanyak 25 buah kendaraan Mercedes Benz jenis klasik dan terkini menyertai konvoi tersebut.

Ia merupakan aktiviti tahunan kelab berkenaan, di samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim serta dapat menanamkan sikap patriotik cintakan tanah air dan negara dengan sama-sama memeriahkan dan meraikan lagi sambutan berkenaan.

KELAB Benzer NBD mengadakan Konvoi Kendaraan Mercedes Benz yang bermula dari Helipad Sungai Basong menuju Pusing Keliling Rasau, Daerah Belait dan berakhir di Kelab Rekreasi Liang Lumut.



309 penunggang motosikal sertai konvoi Hari Kebangsaan

■ Berita dan Foto : Ihsan Support Bikers Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 Februari. - Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023 (HK NBD Ke-39), Support Bikers Brunei dengan kerjasama Mad Riders MG Brunei petang kelmarin menganjurkan 'Konvoi Bermotosikal sempena Hari Kebangsaan Kali Ke-39' yang bermula dari letak kereta Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah dan berakhir di Menara Besar Bendera BSB.

Pelepasan konvoi dirasmikan oleh Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus selaku tetamu kehormat.

Konvoi sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-39 tersebut diketuai oleh Presiden Support Bikers Brunei, Pengiran Haji Amir Khalid Abdul Aziz bin Dr. Pengiran

Haji Amir Muhd Yussof.

Konvoi tersebut mendapat sambutan seramai 309 penunggang motosikal dari beberapa persatuan motosikal di negara ini yang telah menyertai konvoi berkenaan.

Selain dapat menanamkan sikap patriotik cintakan tanah air dan negara, konvoi juga berperanan untuk memupuk dan meningkatkan semangat perpaduan dalam kalangan penunggang motosikal dan meningkatkan kecekapan dan profesionalisme bagi semua anggota.

Antara jalan-jalan yang dilalui sepanjang konvoi tersebut ialah melibatkan Jalan Stadium, Jalan Perdana Menteri, Lebuhraya Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Jalan Sultan Omar Ali Saifuddin, Jalan Pemancha dan berakhir di Jalan Pretty, di ibu negara.



SUPPORT Bikers Brunei dengan kerjasama Mad Riders MG Brunei menganjurkan 'Konvoi Bermotosikal sempena Hari Kebangsaan Kali Ke-39' yang bermula dari letak kereta Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah dan berakhir di Menara Besar Bendera BSB.

Atlet Ultramarathon terperangkap akibat cuaca buruk di selatan New Zealand

WELLINGTON, 22 Feb. - Satu lagi gelombang cuaca buruk melanda selatan New Zealand yang menyebabkan atlet acara ultramaraton terperangkap ketika penduduk di pulau utara negara itu sibuk membersihkan lumpur kesan daripada Taufan Gabrielle, lapor Xinhua.

Enam daripada 110 atlet telah dihantar ke Hospital Queenstown Lakes kerana mengalami gejala hipotermia ringan selepas terperangkap dalam ribut dan banjir berhampiran Arrowtown, lapor media tempatan pada Rabu.

Atlet berkenaan dilaporkan dalam keadaan stabil di hospital, kata penganjur.

Beberapa atlet dipindahkan dengan helikopter manakala 90 orang lagi masih berada di kawasan terbabit untuk menyambung semula acara itu.

Southern Lakes Ultra Marathon, perlumbaan tahunan sejauh 250 kilometer (km) bermula pada Jumaat dan berlangsung selama seminggu.

Agensi ramalan cuaca MetService mengeluarkan amaran hujan lebat pada Rabu di wilayah Otago.

Taufan Gabrielle yang melanda pulau utara sejak seminggu lalu, menyebabkan 11 orang terkorban selain gangguan bekalan elektrik, pembatalan penerbangan dan penutupan sekolah. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

PADA malam Pemasyhuran Kemerdekaan 1984, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan berkenan memimpin rakyat dan penduduk yang hadir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin seruan 'Allahu Akbar' sebanyak tiga kali sebagai tanda kesyukuran atas kemerdekaan penuh Negara Brunei Darussalam. Serentak itu, lampu-lampu di sekitar taman tersebut dinyalakan dan 21 das meriam dilepaskan. Watikah pemasyhuran Kemerdekaan dibawa masuk untuk disembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan diiringi oleh 32 orang pembawa Alat-Alat Kebesaran Diraja.

SUMBER : Semarak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 1984-2015

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

NEGARA MAKMUR : NEGARA AMAN SENTOSA, HARMONI, MENDAPAT RAHMAT, DIREDAI ALLAH